


**Jilid I
Bil. 7**



**Hari Rabu
20hb Oktober, 1982**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 747]

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 795]**

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T.,
(Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATOK MUSA HITAM, S.P.M.N., S.S.I.J., S.P.M.S. (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,
S.S.I.J., K.M.N. (Seremban).
- „ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat)
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu
Kelantan).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei
Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOHKTAR BIN
HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS. (Simunjan).
- Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh)
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATO HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).

- Yang Berhormat TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).
- „ TUAN DAUD BIN HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lumar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATOK JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).

- Yang Berhormat TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ TUAN AHMAD SHAH BIN DATO' HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN SAIDIN BIN MAT PIAH (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).
,, TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
,, DR TAN SENG GIAW (Kepong).
,, TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
,, WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
,, WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
,, WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
,, WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
,, TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
,, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
,, TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
,, DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azirul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 20hb Oktober, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Petua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

BAJA DAN KEMARAU—BANTUAN

1. **Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed** minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah jumlah wang bantuan baja dan kemarau yang telah dikeluarkan dan dibayar kepada petani-petani di Kelantan khususnya dan jumlah petani-petani yang menerimanya mengikut pembahagian daerah.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang di-Pertua, jumlah nilai bantuan baja yang diberi kepada petani-petani di Kelantan semenjak skim baja dilancarkan pada tahun 1979 hingga sekarang ialah \$45,819 juta dan telah memberi faedah kepada 46,238 keluarga. Sementara bantuan kemarau pula sebanyak \$4,763,095.05 yang dikeluarkan kepada 26,412 petani-petani yang dilanda bencana kemarau.

Kedua-dua skim bantuan baja dan bantuan kemarau ini telah diberikan kepada 9 daerah di Kelantan iaitu:

Kota Bahru	Machang
Bachok	Tanah Merah
Pasir Mas	Kuala Kerai
Pasir Puteh	Ulu Kelantan
Tumpat	

pembahagiannya adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan petani yang telah menerima bantuan</i>	<i>Nilai bantuan yang telah diberi</i>
Kota Bahru	5,198	\$ 731,211.24
Bachok	4,664	970,794.40
Pasir Mas	4,378	884,811.54
Pasir Puteh	5,536	1,260,752.98
Tumpat	2,952	525,993.73
Machang	2,215	200,322.25
Tanah Merah	1,219	168,475.46
Kuala Kerai	477	73,229.83
Gua Musang	33	5,184.25
	26,412	\$4,763,095.05

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah benar ramai petani-petani tidak mendaftarkan diri untuk mendapat bantuan kemarau dan juga bantuan subsidi baja kerana setengah mereka itu tidak percaya yang Kerajaan akan melaksanakan bantuan itu dan setengahnya tertipu percayakan yang subsidi ini haram.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, pihak kita pernah juga mendengar kenyataan yang begitu, tetapi oleh kerana kita tidak dapat memeriksakan orang yang pergi mendaftarkan diri, kita serahkan kepada para petani-petani itu, kalau mereka rasa perlu bagi mereka mendaftarkan diri supaya mendapat bantuan daripada Kerajaan kita pun rela hati.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Menteri yang berkenaan apakah benar ada tuduhan-tuduhan yang mengatakan bahawa bantuan baja itu ataupun bantuan kemarau hanya diberi kepada satu golongan masyarakat yang menyokong satu parti sahaja atau apakah ini hanya merupakan tuduhan yang sengaja diada-adakan oleh golongan parti yang sudah kehabisan modal dan kehilangan pengaruh dan apakah benar bahawa bantuan ini tidak dapat diedarkan dengan lancarnya kerana ada golongan-golongan yang tertentu yang menganggap menerima subsidi baja itu adalah haram dan sebagainya.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, tugas Kementerian ialah memperuntukkan anggaran yang tertentu jumlahnya untuk diberi kepada pihak Kerajaan Negeri dan terpulanglah kepada Kerajaan Negeri untuk membuat urusan terhadap beberapa jajahan di negeri yang tertentu yang mengalami kemarau ini, oleh kerana saya difahamkan bahawa

Kerajaan Tempatan sudah menubuhkan Jawatankuasa Kampung dan menerusi Jawatankuasa Kampung ini para petani yang berhampiran harus pergi dan mendaftarkan diri untuk mendapatkan bantuan ini.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan apakah beliau sedar bahawa kelulusan untuk mendapatkan bantuan baja ataupun bantuan kemarau ini mesti dilulus dan dipersetujui pada peringkat bawah oleh pihak JKKK dahulu ataupun Ketua Kampung yang kebanyakannya terdiri daripada orang-orang kuat parti pemerintah. Petani-petani yang terdiri daripada penyokong-penyokong PAS waktu datang hendak mendaftarkan diri ada yang dihalau, ada yang dikoyak-koyak permohonannya.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, pihak saya tidak sedar berlakunya keadaan yang begitu sebagaimana yang telah diterangkan ataupun yang telah dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sebagaimana yang saya katakan tadi maksud kita memberi bantuan ini adalah untuk semua rakyat yang betul-betul mengalami kesusahan kemarau ataupun yang betul-betul memerlukan pertolongan itu. Itulah sebabnya sebagaimana yang saya terangkan tadi di peringkat negeri mereka telah menubuhkan Jawatankuasa Kampung oleh kerana Jawatankuasa ini yang dapat meneliti ataupun menyelesaikan semua masalah yang dialami oleh para petani kita di Kampung-kampung dan juga sebagaimana yang diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu pihak kita tidak sedar keadaan yang begitu telah berlaku.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat sudah cukuplah soalan ini.

KEWARGANEGARAAN- PERMOHONAN

2. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa terdapat pemohon-pemohon kewarganegaraan yang menunggu lebih lima tahun untuk mendapat kelulusan mereka tetapi masih belum mendapatnya dan mereka telah mengalami kerumitan di dalam mencari kerja dan sebagainya, jika ya, apakah tindakan akan diambil untuk mempercepatkan proses meluluskan permohonan mereka.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan sentiasa mengambil berat di atas pengaduan rakyat mengenai kelewatan untuk mendapatkan taraf warganegara. Tetapi kelewatan ini bukanlah disengajakan oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara atau Kementerian saya. Malahan kelewatan ini adalah disebabkan oleh proses menimbang dan meluluskan setiap permohonan kewarganegaraan yang dibuat dengan teliti dan mendalam terhadap kebenaran dokumen yang dikemukakan serta keterangan latar belakang pemohon itu sendiri. Ini dilakukan demi menjamin bahawa mereka yang layak sahaja akan dianugerahkan taraf warganegara.

Tindakan-tindakan yang sesuai dan perlu sentiasa sedang dan akan diambil untuk mempercepatkan proses pertimbangan permohonan kewarganegaraan mengikut keperluan Perlembagaan Malaysia serta selaras dengan hasrat Kerajaan sekarang.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan apakah definisi apabila beliau menyatakan bahawa “setiap permohonan akan ditimbang dengan teliti”. Adakah pihak Kementerian

menetapkan misalnya satu masa di mana setiap permohonan dapat ditimbang dengan cepat memandangkan bahawa perkataan “menimbang dengan teliti” itu sentiasa mengambil masa yang agak lama misalnya ada yang mengambil masa melebihi 5 tahun oleh sebab saya sendiri telah mendapat banyak aduan bahawa ada kes yang disampaikan melalui Borang G yang mengambil masa 7 hingga 8 tahun, akan tetapi permohonan masih dipertimbangkan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya perkatakan tadi kelewatan yang kita dapati pada hari ini bukanlah disengajakan. Sebenarnya dalam keadaan biasa, ianya tidak melebihi dari 2 tahun, iaitu apakala dokumen-dokumen atau maklumat-maklumat perlu diberi atau dibekalkan, adalah lengkap dan sah.

Sukalah saya menyatakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini bahawa faktor-faktor yang melambatkan kelulusan dari segi kewarganegaraan ialah pertama, pemohon tidak dapat dihubungi kerana pertukaran alamat apakala sesuatu pembetulan dikehendaki dengan secepat mungkin.

Kedua, kecuaiannya pemohon membekalkan maklumat-maklumat dengan segera.

Ketiga, maklumat yang dibekalkan kabur serta ada sesuatu yang hendak disembunyikan. Umpamanya hampir dalam semua perkara atau artikal dalam Perlembagaan yang berkaitan dengan kewarganegaraan kita memerlukan pemohon-pemohon yang berkelakuan baik, iaitu contohnya Perkara 16, Perkara 19 dan Perkara 15 (1) dalam Perlembagaan kita. Akan tetapi ada pemohon-pemohon yang tidak menyatakan kesalah-kesalahan yang dilakukannya sebelum daripada permohonan ini dibuat. Mengenai soal “niat bermastautin”,

umpamanya, dengan izin, "intend to stay permanently", ini memerlukan satu jangka masa yang agak sesuai, untuk kita menilai sama ada pemohon-pemohon itu, benar-benar ingin bermastautin di Malaysia ini, buat selama-lamanya. Dan juga berhubung dengan maklumat mengenai tempoh mastautin seperti yang ditetapkan dalam Perkara 15 Perlembagaan kita, iaitu permastautinan 10 tahun daripada 12 tahun sebelum permohonan dibuat, apakala diselidik dan disiasat, didapati kurang, daripada yang disyaratkan oleh Perlembagaan.

Jadi, inilah sesuatu yang menyebabkan masalah ini lewat. Sebaliknya apabila kita lihat dari segi tugas yang kita laksanakan hari ini, daripada permohonan yang berjumlah 2,375,270 sejak 31-8-1957 sampai kepada 31-8-1982, 2,267,800 pemohon, telah diluluskan. Ertinya, kita telah meluluskan begitu banyak dan yang masih dalam pertimbangan hanya 19,709 yang mana kalau kita taksirkan dari segi percentage, ialah hanya 0.83, iaitu apa yang telah kita selesaikan pada hari ini, lebih kurang 99.17 peratus.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya terkejut apabila mendengar 2 juta lebih telah diluluskan sebagai warganegara kita dan setelah kita merdeka 25 tahun masih ramai lagi yang tidak mendapat kewarganegaraan. Adakah ini merupakan satu pendatang baru dan apakah Kerajaan bercadang untuk menutup pintu sahaja, yang tak dapat pakai tak dapatlah.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, pemohon-pemohon yang berjumlah 19,709 itu masih dalam pertimbangan kita dan kita tidak mahu melaksanakan sesuatu yang berlainan dengan kehendak undang-undang.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai kelewatan-kelewatan memproses permohonan-permohonan kewarganegaraan, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar semua ini sebab-sebab birokratik sahaja, tidak boleh diterima oleh rakyat sebagai satu tindakan di bawah pentadbiran yang cekap, licin dan beramanah. Saya mahu tanya sama ada pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan buat satu siasatan, satu perubahan di mana tidak berlaku lagi permohonan-permohonan yang mahu diambil masa lebih daripada 5 tahun, 6 tahun, 7 tahun dan kalau tidak, adakah Kementerian Hal Ehwal Dalam negeri dikecualikan daripada cogan 2M-satu Kerajaan yang bersih, cekap dan licin.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya tegaskan di sini bahawa Kerajaan kita tetap Kerajaan cekap, bersih dan amanah (*Tepuk*) dan sukalah juga saya nyatakan di sini jikalau maklumat-maklumat yang diberi oleh pemohon-pemohon itu benar-benar sah dan nyata sebagaimana saya terangkan tadi kita hanya akan mengambil dalam masa 2 tahun.

Sukalah juga saya nyatakan di sini bahawa kita mengambil satu tindakan yang selebih daripada itu, iaitu pada hari ini kita menghubungi semula semua pemohon-pemohon untuk memastikan bahawa segala keterangan yang diberi adalah benar.

Yang kedua, kita menumpukan tenaga untuk memproses permohonan mengikut tahun-tahun yang dipohon.

Yang ketiga, kita meningkatkan lagi keupayaan kita dengan cara mengadakan penyusunan tenaga mengikut kepentingan yang berkaitan dengan permohonan-permohonan kewarganegaraan.

Yang keempat, saya sukalah menyeru kepada Yang Berhormat sendiri untuk memberitahu kepada pemohon-pemohon supaya berlaku jujur dalam segi mengisi borang-borang yang berkenaan (*Tepuk*).

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang untuk memberi sijil kewarganegaraan sementara (provisional citizenship certificate) atau pun sijil yang setaraf bagi menolong permohonan kewarganegaraan yang benar-benar layak untuk mengatasi masalah berkaitan dengan permohonan pekerjaan atau permohonan biasiswa.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu terkeluar daripada soal asal.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tak mengerti mengapa DAP hendak menjadi champion kepada warga-negara asing yang duduk dalam negeri ini. Saya rasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sudah terlalu liberal dalam mengeluarkan sijil-sijil kerakyatan kepada rakyat asing. Pertanyaan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan saya bahawa soal pemberian taraf kewarganegaraan adalah soal privilege dan bukan soal hak dan kerana itu tidak ada siapa—tidak ada siapa—baik dalam Dewan ini ataupun di luar Dewan ini yang boleh menuntut pengeluaran taraf kewarganegaraan ini sebagai satu hak dan menentukan tarikh tempoh dalam mana kewarganegaraan ini patut dikeluarkan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju 100% dengan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi (*Tepuk*) iaitu kewarganegaraan kita bukanlah menjadi hak tetapi hanya privilege.

UNIVERSITI/ INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI— CAWANGAN

3. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah pihak Kementerian ada rancangan mendirikan cawangan-cawangan Universiti dan Institusi Pengajian Tinggi di kawasan Utara Malaysia di Kedah, Perlis dan khasnya di Baling.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian tidak ada rancangan untuk mendirikan cawangan-cawangan universiti dan institusi pengajian tinggi di kawasan utara Malaysia seperti di Kedah, khasnya di Baling dan juga di Perlis. Walau bagaimanapun, kampus cawangan ITM telahpun ditubuhkan di negeri Perlis.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Pelajaran membatalkan rancangan-rancangan untuk menubuhkan universiti keenam dan kalau tidak, kenapa tidak ada rancangan kampus-kampus dalam kawasan yang tertentu?.

Tuan Yang di-Pertua: Rancangan apa?.

Tuan Lim Kit Siang: Dalam Baling, Kedah, Perlis kalau ada rancangan yang belum dibatalkan, tidakkah kampus-kampus boleh dirangka dalam dalam tiga negeri yang disebutkan dalam soalan ini.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, satu jawatankuasa dari Kementerian Pelajaran telahpun ditubuhkan untuk meluaskan lagi universiti-universiti yang ada sekarang, iaitu increase the capacity. Berkenaan universiti keenam ini, di peringkat sekarang adakah di dalam kajian Jawatankuasa ini.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah rasional dan kriteria Kementerian Pelajaran memilih satu-satu kawasan bagi mendirikan cawangan-cawangan institusi pelajaran tinggi.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, rasional dan kriteria yang digunakan ialah, pada amnya, sesuatu tempat dipilih jikalau ada kemudahan-kemudahan asas yang boleh memberi sambungan yang boleh memberi rancangan yang kita luluskan dapat dijayakan. Lagi satu kriteria yang kita mengkaji ialah bilangan murid-murid yang buat permohonan untuk memasuki institusi-institusi pelajaran tinggi. Jikalau di sesuatu negeri kita dapat bilangan murid-murid yang besar kita akan memberikan priority untuk mendirikan cawangan-cawangan institusi pelajaran tinggi. Jikalau negeri itu jumlah murid tidak begitu ramai kita ada kemudahan asrama-asrama, untuk murid-murid itu di universiti-universiti khasnya untuk murid-murid yang datang dari luar bandar di mana bilangannya tidak begitu besar.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada Jawatankuasa yang disebutkan tadi akan juga mengkaji kemungkinan untuk membenarkan penubuhan universiti swasta ataupun kemungkinan menghasilkan sumber-sumber swasta untuk membantu dalam proses memperluaskan lagi peluang pelajaran tinggi di negara kita ini.

Dr Tan Tiong Hong: Tidak, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Saidin bin Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, di antara kriteria yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, satu daripadanya ialah kemudahan asas.

Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan apakah yang dimaksudkan dengan kemudahan asas bagi mendirikan sesebuah universiti?.

Dr Tan Tiong Hong: Khasnya kita memerlukan sebidang tanah yang cukup luas. Apabila kita mengkaji untuk menentukan mendirikan sebuah universiti di satu negeri itu masalah pertama kita perlu mengatasi dahulu ialah mendapat sebidang tanah yang cukup luas. Lain-lain kriteria saya pun telah sebutkan tadi. Yang pentingnya ialah mendapatkan tanah yang sesuai.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menjawab bahawa Jawatankuasa tersebut tidak akan menimbang membenarkan penubuhan universiti-universiti swasta. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan kenapa pihak Kerajaan masih stubborn dalam perkara itu dan tidak mahu tukar dasar membenarkan penubuhan universiti-universiti swasta yang selaras dengan kepentingan orang ramai.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menerima tuduhan Kerajaan ini stubborn oleh sebab saya ingat pihak DAP lagi lebih stubborn (*Ketawa*) oleh kerana kita telah memberi penjelasan iaitu Jawatankuasa ini di peringkat sekarang hanya mengkaji cara-cara untuk meluaskan lagi universiti-universiti yang ada sekarang dan dengan cara ini kita bolehlah dengan cepat lagi menambahkan lagi bilangan tempat-tempat untuk murid-murid.

SEKOLAH KEBANGSAAN KUTAN, KELANTAN

4. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian Pelajaran sedar tentang Sekolah Kebangsaan Kutun di Kelantan yang keadaannya serba daif dan buruk bila berita-berita

mengenaunya disiarkan di dalam akhbar baru-baru ini sehingga Yang Berhormat sendiri melawatnya dan memberi pengakuan serta-merta untuk membina bangunan yang baru. Jika benar, mengapakah keadaan yang seperti itu berlaku.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, bangunan Sekolah Kebangsaan Kutan yang sedia ada masih berkeadaan baik dan gambar bangunan buruk yang disiarkan dalam akhbar-akhbar baru-baru ini sebenarnya ialah sebuah bangsal sementara yang didirikan oleh Persatuan Ibu-bapa dan Guru-guru yang telah digunakan untuk 2 darjah sementara. Walau bagaimanapun Kementerian saya menyedari bahawa kemudahan yang sedia ada memang tidak mencukupi. Oleh itu pembinaan sebuah bangunan tambahan dengan anggaran kos \$485,000 telahpun diluluskan. Projek ini telahpun ditender dan kerja-kerja binaan akan bermula dalam sedikit masa lagi. Bangunan tambahan tersebut mengandungi 6 bilik darjah, pejabat, bilik Guru Besar, bilik guru, bilik agama, bilik Perpustakaan, bilik TV, setor, tandas, pagar dan untuk memberi kemudahan api dan air.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan adakah Kementerian berkenaan ada bercadang untuk mementingkan memberi matapelajaran kepada penuntut-penuntut Sekolah Kebangsaan khususnya iaitu matapelajaran yang memberatkan kepada matapelajaran akhlak kepada murid-murid Sekolah Kebangsaan supaya mereka menjadi seorang penuntut yang berakhlak kerana akhlak itu atau budi pekerti adalah amat penting kepada tiap-tiap penuntut supaya ia menjadi seorang yang berakhlak kerana di hari ini

pelajar-pelajar atau penuntut-penuntut sampai tidak pandai menghormati ibu-bapa dan orang-orang tua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dukacita soalan itu terkeluar dari soalan asal.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah peruntukan yang telah diluluskan sebanyak \$800,000 untuk membangunkan bangunan baru itu termasuk dalam jumlah \$6 juta wang yang telah dikembalikan oleh pihak Pengarah Pelajaran Negeri Kelantan kepada Kerajaan Pusat kononnya oleh sebab kedudukan kemelesetan wang Kerajaan sekarang?.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang diberi ialah \$485,000 bukan \$800,000. Walaupun ada kemelesetan ekonomi yang kita hadapi sekarang tetapi Kerajaan memberi keutamaan (priority) untuk pelajaran dan di mana-mana perlu kita menambahkan lagi bilik darjah atau memberikan kemudahan untuk sekolah-sekolah untuk murid-murid kita akan terus memberi peruntukan.

KOC KERETAPI YANG KURANG MEMUASKAN

5. Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar koc-koc penumpang Keretapi Tanah Melayu adalah dalam keadaan yang tidak memuaskan dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa koc-koc penumpang Keretapi Tanah Melayu adalah dalam keadaan yang kurang

memuaskan. Ini adalah disebabkan bahawa sebanyak 60% daripada 294 buah koc yang ada sekarang adalah merupakan koc-koc yang telah usang (life expired) dan sukar serta tidak ekonomik untuk diselenggarakan tetapi masih digunakan juga kerana keperluan penumpang. Walaupun di dalam keadaan sedemikian, pihak Keretapi Tanah Melayu sentiasa berusaha sedaya upaya untuk memberi perkhidmatan yang selamat dan selesa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Keretapi Tanah Melayu telah mengambil langkah untuk memenuhi keperluan penumpang keretapi dengan membuat pesanan untuk membeli 50 buah koc lagi. Juga di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, Keretapi Tanah Melayu akan memohon untuk membeli sebanyak 253 buah koc. Dengan pembelian tersebut Keretapi Tanah Melayu berharap akan dapat mengadakan perkhidmatan yang lebih selesa dan memuaskan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, selain daripada membeli koc yang baru adakah pihak KTM bercadang untuk mendirikan Sistem Pengumuman Awam (P.A. System) supaya penumpang-penumpang akan diberitahu apabila mereka tiba ataupun semasa train berhenti di satu-satu stesen?.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu dukacitanya tidak berbangkit. Soalan asal ialah berkenaan dengan koc-koc.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak boleh minta penjelasan, Yang Berhormat boleh mengemukakan pertanyaan.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Mengemukakan pertanyaan apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang akan menghantar koc-koc baru Keretapi Tanah Melayu ini ke jalan menuju ke Rantau Panjang?.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Insya Allah, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*).

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi nampaknya beratus koc keretapi ini sudah 'life expired' katanya dan masih lagi koc-koc ini berjalan. Adakah koc-koc yang buruk yang 'life expired' begitu teruk masih berjalan dan itulah sebabnya yang berlaku kegelinciran begitu banyak akhir-akhir ini?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, tidaklah beratus-ratus koc yang 'life expired' hanya setakat 60% daripada 294. Saya telah menjelaskan sebentar tadi bahawa walaupun di dalam keadaan sedemikian, pihak Keretapi Tanah Melayu dan Kementerian Pengangkutan sentiasa memastikan bahawa koc-koc ini selamat untuk dipergunakan. Jadi tidaklah menimbulkan kegelinciran sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, merujuk kepada jawapan bahawa koc-koc baru telahpun dipesan, apakah design koc ini masih lagi merupakan design lama dengan warna yang lama dan apakah Kementerian memesan juga kepala keretapi yang baru yang lebih laju daripada apa yang ada sekarang?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dari masa ke semasa, design koc-koc diperbaiki

selaras dengan perkembangan teknologi yang berlaku dalam negara kita ini dengan tujuan supaya koc-koc ini bertambah menarik dan juga lebih selesa kepada penumpang-penumpang. Di samping itu juga, bagi locomotive ataupun enjin-enjin, hanya enjin-enjin yang termoden yang sesuai untuk digunakan di zaman sekarang akan dipesan.

KEMALANGAN JALANRAYA— LANGKAH MENGURANGKAN

6. Datin Paduka Zaleha binti Ismail minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah tindakan-tindakan yang dibuat oleh Kementerian Pengangkutan terhadap pihak-pihak yang bertanggungjawab berlakunya kemalangan-kemalangan jalanraya supaya kadar kematian akibat kemalangan jalanraya dikurangkan.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sentiasa berusaha untuk mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengurangkan kadar kematian dan kecederaan akibat daripada kemalangan jalanraya. Punca utama yang bertanggungjawab melakukan kemalangan-kemalangan jalanraya ialah pengguna-pengguna jalanraya itu sendiri atau sebab-sebab human factor. Dalam tahun 1981 dari jumlah sebanyak 58,766 kemalangan jalanraya yang berlaku di Semenanjung Malaysia, sebanyak 95.28% adalah disebabkan oleh kelalaian dan kesalahan pemandu-pemandu kenderaan.

Di antara kesalahan-kesalahan yang sering kali dilakukan oleh pemandu-pemandu tersebut adalah memandu dengan cuai dan tidak bertimbangrasa terhadap pengguna-pengguna jalanraya yang lain. Ini merupakan kira-kira 33% daripada semua kesalahan dan memandu terlalu laju dan merbahaya kira-kira 19%

Sebagai langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah tersebut, Majlis Keselamatan Jalanraya di Kementerian saya merancang dan melaksanakan kegiatan-kegiatan pelajaran keselamatan jalanraya dalam usaha bagi menanam sikap tanggungjawab (Road safety consciousness) terhadap semua golongan pengguna-pengguna jalanraya sama ada orang dewasa atau kanak-kanak sekolah. Kempen-kempen keselamatan jalanraya diadakan tiap-tiap tahun di mana publisiti mengenai kegiatan-kegiatan itu dibuat melalui massa media seperti akhbar, radio dan televisyen Malaysia dengan seluas-seluasnya untuk pengetahuan orang ramai. Seminar-seminar, majlis-majlis syarahan dan dailog serta mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Majlis diadakan dari masa ke semasa.

Majlis Keselamatan Jalanraya juga mengeluarkan bahan-bahan seperti buku-buku panduan, risalah-risalah keselamatan jalanraya, poster dan lain-lain bahan seranti yang diedarkan kepada orang ramai semasa kempen dijalankan. Peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan bagi rancangan keselamatan jalanraya bagi tahun 1980 adalah sebanyak \$298,900; tahun 1981 sebanyak \$328,900; dan tahun 1982 sebanyak \$260,800.

Untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan Majlis tersebut dengan berkesan lagi, Kerajaan telahpun meluluskan empat jawatan baru Pegawai-pegawai Keselamatan Jalanraya sebagai tambahan kepada yang sedia ada. Pegawai-pegawai ini akan menjalankan tugas-tugas keselamatan jalanraya di negeri-negeri supaya kegiatan-kegiatan yang dirancangan di peringkat kebangsaan akan dapat diperluaskan kepada semua pengguna jalanraya di seluruh negara. Pegawai-pegawai ini sekarang ditempatkan di Kuala Lumpur sebagai Pegawai Keselamatan Jalanraya kawasan tengah, di Ipoh sebagai

Pegawai Keselamatan Jalanraya kawasan utara; di Johor Bahru sebagai Pegawai Keselamatan Jalanraya kawasan selatan; dan di Kuantan sebagai Pegawai Keselamatan Jalanraya kawasan timur.

Selain daripada itu, latihan-latihan dan kursus-kursus lanjutan kepada pengajar-pengajar sekolah memandu dan pemandu-pemandu kenderaan berat juga dijalankan dengan tujuan bagi meninggikan taraf pemandu kepada mereka-mereka yang berkenaan. Adalah diharapkan bahawa usaha-usaha ini akan dapat digiatkan lagi apabila penubuhan Institut Pengangkutan Jalan yang sedang dirancangkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan terlaksana kelak.

Langkah-langkah tindakan penguatkuasaan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dan juga Polis Di Raja Malaysia juga diperluaskan dan digiatkan dari masa ke semasa bagi menentukan bahawa peraturan-peraturan jalanraya dipatuhi oleh pengguna-pengguna jalanraya. Pihak Jabatan Pengangkutan Jalan telahpun meluaskan bahagian pengangkutannya dengan menambah anggota pegawai-pegawai penguatkuasa yang lengkap dengan kereta-kereta dan motosikal-motosikal bagi membuat rondaan dan sekatan-sekatan di jalanraya. Sementara itu Polis Diraja Malaysia juga berusaha menguatkan Unit Peronda Jalanraya, Polis Trafik sebanyak 37 unit tersebut telah diluluskan dan dilengkapi dengan alat-alat perangkap lari deras terbaru yang bernama 'VASCAR'. Bagi mengatasi masalah kenderaan-kenderaan yang membawa muatan lebih pula, cadangan telah dikemukakan untuk memasang alat-alat berat (weighing bridge) di tiap-tiap toll plaza sebagai tambahan kepada yang sedia terpasang di Balai-balai Polis dan Pejabat-pejabat Pengangkutan Jalan.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:
Dalam jawapan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa kemalangan jalanraya ini disebabkan 95% oleh pengguna-pengguna itu sendiri. Walaupun langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan begitu banyak tetapi kemalangan itu tidak berkurangan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kebanyakan pemandu-pemandu sekarang ini terdiri dari orang-orang muda dan mereka ini tidak serik menerima hukuman yang telah dijatuhkan kepada mereka itu? Adakah Kerajaan bercadang untuk hendak menambahkan hukuman lagi supaya mereka ini serik dan begitu juga hukuman gantung lesen mereka ini supaya tidak boleh memandu dalam jangka masa 2 atau 3 tahun supaya ini memberi pengajaran yang berguna?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:
Tuan Yang di-Pertua, memanglah Kerajaan sedar bahawa kemalangan jalanraya makin meningkat setiap tahun. Ini adalah juga disebabkan bilangan kenderaan juga telah meningkat tiap-tiap tahun. Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, maka di dalam usaha Kerajaan meminda Ordinan Lalulintas 1958 timbangan akan diberi untuk menambahkan lagi denda-denda yang akan dikenakan. Begitu juga di dalam jawapan saya kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor baru-baru ini saya telah menyatakan bahawa Kerajaan akan mengadakan satu sistem keselamatan jalanraya yang mana kita akan menggunakan "point sistem" atau "demerit system" dan jika seseorang pemandu telah menerima point yang maksima, maka lesennya akan digantung berdasarkan kepada kesalahan-kesalahan yang akan dibuat.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:
Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan

Menteri yang berkenaan bahawa sebagaimana kita maklum kemalangan jalanraya di negara kita ini adalah di antara yang terbanyak. Terasa benar apabila kita berada di dalam kereta seolah-olah kita berada di dalam kotak maut. Apakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa jalan-jalan yang rosak amat lambat dibaiki dan tempat-tempat yang dilakukan kerja-kerja pembinaan boleh dikatakan hampir tidak ada isyarat-isyarat yang menunjukkan bahawa itu adalah jalan rosak ataupun itu adalah jalan yang sedang dibaiki. Akibat daripada itu ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sendiripun terlibat dengan kemalangan ini.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya amat dukacita mendengar bahawa Ahli Yang Berhormat ada terlibat dalam perkara ini. Namun demikian, jalanraya-jalanraya yang diperbaiki adalah sentiasa disediakan dengan tanda-tanda yang tertentu untuk memberikan amaran kepada pengguna-pengguna jalanraya dan juga termasuk lampu-lampu di waktu malam. Dalam perkara ini, Kementerian saya terutama sekali Majlis Keselamatan Jalanraya, seringkali mengingatkan agensi-agensi dan Kementerian yang bertanggungjawab supaya memberi isyarat-isyarat yang tertentu apabila berlakunya urusan memperbaiki jalanraya-jalanraya. Namun demikian, suka saya menyatakan bahawa kemalangan disebabkan kerosakan jalanraya tidaklah begitu tinggi, malah boleh dikatakan tidak berlaku langsung, melainkan setengah-setengah barangkali ada yang mengantuk dan sebagainya.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya fikir kita tidak boleh mencapai matlamat keselamatan jalanraya kalau jalanraya itu sendiri tidak selamat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah usaha-

usaha yang dibuat oleh pihak Kementeriannya bagi mengkoordinasikan tugasnya dengan Kementerian Kerjaraya yang Menterinya ada di sini yang bertanggungjawab menjaga dan membuat kerja-kerja maintenance pada jalanraya, sebab di setengah-setengah jalan ada death trap, kita tengah sedap-sedap lari 140 km sejam tiba-tiba ada sharp bend dengan tidak ada warning dan sebagainya. Jalan-jalan yang direka bentuk sejak kita gunakan kereta Morris Minor masih lagi terdapat dan tidak diimprove. Inilah sebab maka 96.8% kemalangan berlaku kerana kecuaiannya pemandu. Tetapi yang sebenarnya pemandu tidak boleh membuat kesalahannya kalau jalan itu direka bentuk dan disesuaikan dengan teknologi moden yang ada sekarang, dengan keadaan kereta ataupun kenderaan yang makin laju dan makin besar. Apakah usaha Kementerian supaya memberitahu Kementerian Kerjaraya untuk membaiki mana tempat-tempat yang rosak, tempat yang bengkok atau terlampau bengkok itu diluruskan dan sebagainya.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, koordinasi di antara Kementerian saya dan Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan Awam sentiasa ada dan Kementerian itu juga diwakili di dalam Majlis Keselamatan Jalanraya. Jadi saya berpendapat bahawa seperti juga Kementerian-kementerian yang lain, Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan Awam mestilah dan telahpun mengambil perhatian dalam perkara ini. Saya percaya apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu mendapat perhatian Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan Awam.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri Pengangkutan telah menyatakan bahawa kemalangan

jalanraya banyak berlaku disebabkan oleh kecuaiannya pemandu-pemandu. Apakah tindakan Kementerian berkenaan untuk menghindarkan pemandu-pemandu yang cuai itu? Dan adakah Kementerian yang berkenaan bercadang hendak mengadakan satu undang-undang yang lebih ketat lagi kepada pemandu-pemandu dan pengguna-pengguna jalanraya agar kemalangan jalanraya-jalanraya dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Tadi saya telah dengar, jawapan itu telahpun diberi iaitu R. T. O. akan dipinda dan hukuman-hukuman yang berat akan dikemukakan. Jawapan telah diberikan. Soalan lain?

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan tadi pada tahun 1981 sebanyak 58,766 kemalangan berlaku, termasuk saya sendiri (*Ketawa*).

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada 58,766 kemalangan itu berapa banyak kemalangan berlaku sebelah malam dan berapa banyak berlaku sebelah siang (*Ketawa*). Katakanlah tidak boleh, yang itu dia hendak notis, tidak apa; tetapi katakanlah sebuah lori dia rosak, dia berhenti tepi jalan, apakah tanggungjawab pemandu lori itu supaya orang yang datang dari belakang jangan jadi sepertimana yang saya mari terus masuk bawah lori (*Ketawa*). Apakah tindakan tuan lori itu?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, angka yang sebenarnya bagi tahun 1981 ialah 58,768 orang termasuk Ahli Yang Berhormat (*Ketawa*). Kalau tidak termasuk Ahli Yang Berhormat, angka itu ialah jadi 58,767. Soalan sama ada berapa peratus kemalangan berlaku di waktu siang atau di waktu

malam, saya mohon izin tidak dapat hendak memberi penjelasan pada masa ini. Tetapi, bagi lori-lori ataupun apa jua kenderaan yang berhenti di jalan-jalan besar di waktu malam, dipastikan bahawa lori-lori yang berkenaan ada isyarat-isyarat yang tertentu, memasang tanda-tanda termasuk memasang lampu parking. Kalau kenderaan yang berkenaan tidak berbuat jemikian dan menghalang lalulintas, maka tindakan boleh diambil terhadap sesiapa juga sahaja yang bertanggungjawab meletakkan kenderaan itu di situ.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Soalan tambahan. Apakah pihak Kementerian Pengangkutan ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengambil apa-apa tindakan untuk mengelakkan daripada berlaku kemalangan terutama sekali di Lebuhraya Timur-Barat yang sekarang kemalangannya semakin bertambah oleh sebab tanda-tanda tepi jalan tidak ada dan pagar-pegar besi sekeliling tidak ada dan keadaan lebuhraya di mana kenderaan lari dengan deras. Apakah tindakan telah diambil oleh pihak Kementerian?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tadi menyatakan tanda-tanda tepi jalan tidak ada dan sebagainya dan ini menyebabkan kemalangan. Jadi kalau tidak ada tanda-tanda dan sebagainya, saya percaya bahawa Suruhanjaya Lebuhraya, ataupun pihak yang bertanggungjawab berkenaan dengan lebuhraya itu, akan mengambil tindakan yang sewajarnya dan Yang Berhormat Menterinya ada di sini.

BAHASA CHINA DALAM RANCANGAN LATIHAN PERGURUAN

7. **Dr Koh Tsu Koon** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa peruntukan masa

untuk pengajian bahasa China serta kaedah mengajar bahasa China bagi Rancangan PPAK (C) iaitu Rancangan Latihan Perguruan Asas 3 Tahun Peringkat Pendidikan Awal kanak-kanak (China), di maktab-maktab perguruan (hanya sebanyak 3 kali sahaja bagi tiap-tiap minggu) sangat tidak mencukupi bagi para guru pelatih untuk menjalankan tugas sebagai guru-guru di sekolah-sekolah jenis kebangsaan (China) nanti, yang akan mengajar dalam bahasa China sebagai bahasa pengantar dengan sepenuhnya; adakah Kerajaan bercadang untuk menggunakan bahasa China sebagai bahasa pengantar bagi rancangan PPAK (C) ataupun sekurang-kurangnya menambahkan peruntukan masa untuk pengajian bahasa China supaya guru-guru menjadi cekap dalam tugas mereka.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan masa pengajian Bahasa China bagi Kursus Pendidikan Peringkat Awal kanak-kanak PPAK China telah ditambah dalam Rancangan Latihan Perguruan Asas 3 Tahun ini iaitu sebanyak 315 jam berbanding dengan hanya 197 jam dalam rancangan latihan dua tahun dahulu. Peruntukan masa baharu ini merupakan pertambahan sebanyak 60% dari peruntukan masa dalam rancangan latihan dua tahun dahulu. Dari segi pelaksanaan, peruntukan masa ini dimasukkan di dalam jadual waktu mingguan kursus tiga tahun seperti berikut:

Tiga kali seminggu dalam peringkat pertama dan empat kali seminggu dalam peringkat kedua, tiap-tiap peringkat mengandungi 45 minggu. Selain dari itu guru-guru pelatih juga diberi masa enam hingga tujuh jam seminggu untuk belajar sendiri di mana mereka digalakkan mengendalikan aktiviti-aktiviti amali mengenai mata-pelajaran pengkhususan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran berpendapat peruntukan masa ini sudah mencukupi untuk memenuhi keperluan-keperluan latihan guru PPAK China dan tidak perlu ditambah lagi. Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk menukarkan dasarnya dari segi penggunaan bahasa pengantar di maktab-maktab perguruan seperti mana yang pernah dinyatakan di Dewan ini Bahasa Malaysia akan tetap menjadi bahasa pengantar.

Dr Koh Tsu Koon: Adakah Kementerian Pelajaran bercadang akan menjalankan satu kajian secara besar-besaran untuk mengkaji sejauh manakah guru-guru keluaran PPAK (C) setakat ini dapat mengajar dengan berkesan.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sentiasa membuat kajian dan tidak ada rancangan untuk mengadakan satu jawatankuasa atau satu pengajian khas. Kita sentiasa membuat assessment tahun demi tahun.

Tuan Lim Kit Sing: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa assessment Kementerian Pelajaran berbeza besar daripada assessment rakyat khususnya masyarakat China atas perkara kelayakan guru-guru yang dikeluarkan daripada rancangan PPAK (C), bahawa mereka tidak begitu layak untuk menjadi guru-guru untuk menjamin bahawa guru-guru untuk sekolah-sekolah rendah China boleh mencapai mutu yang tinggi untuk menjalankan tugas mereka. Sungguhpun tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa Kerajaan tidak ada rancangan untuk menukar bahasa pengantar tetapi bolehkah Kerajaan menimbang untuk menerima sebagai guru-guru pelatih pelajar-pelajar yang dikeluarkan daripada sekolah-sekolah menengah bahasa China yang bebas (inde-

pendent secondary schools) yang sudah habis kursus mereka dalam sekolah-sekolah menengah yang berjenis bebas.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar calon-calon yang telah ditawarkan untuk mengikuti kursus latihan perguruan tidak ada kelayakan yang sepenuhnya. Pemohon-pemohon untuk kursus PPAK China dan PPAK Tamil dikehendaki memenuhi syarat-syarat berikut:

- (1) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktirafkan setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia dan lulus ujian lisan di peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. Sekurang-kurangnya tiga kepujian lagi daripada peperiksaan yang sama yang juga jikalau calon-calon mengikuti kursus PPAK China mereka harus mendapatkan kepujian di dalam Bahasa China dan jikalau calon-calon ingin hendak mengikuti kursus PPAK (T), mereka harus mendapatkan kepujian di dalam Bahasa Tamil.
- (2) Umur pemohon yang memiliki SPM/MCE tidak melebihi 25 tahun pada 1hb Januari tahun ini. Pemohon yang memiliki STP/HSC sijil penuh umur tidak melebihi 27 tahun pada 1-1-82. Syarat di atas adalah meliputi semua jenis kursus guru biasa.

Dato' Lee Kim Sai: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sekalian, masa soalan sudah cukup dan saya tidak benarkan soalan-soalan lagi.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8 hingga 20 adalah diberi di bawah ini).

KURIKULUM BARU SEKOLAH RENDAH— PERLAKSANAAN

8. Dato Haji Mohamed bin Haji Ali minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah kemajuan yang dicapai mengenai pelaksanaan KBSR sehingga ini; dan masih adakah lagi golongan yang tidak berpuashati dengan rancangan ini.

Dr Tan Tiong Hong: Melalui pengesanan yang telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran, didapati beberapa kemajuan telah dapat dicapai mengenai pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) setakat ini. Dari segi guru, didapati pada masa ini jika dibandingkan dengan awal tahun guru-guru lebih berkeyakinan untuk menjalankan pengajaran mengikut panduan-panduan yang dicadangkan dan memilih cara-cara yang lebih sesuai dengan situasi sekolah dan kelas masing-masing. Sekolah-sekolah yang melaksanakan KBSR juga telah menubuhkan jawatankuasa KBSR bagi membantu meringankan beban guru dan mengatasi masalah-masalah yang timbul. Dari segi pembelajaran murid kemajuannya lebih nyata lagi. Murid-murid adalah lebih berminat untuk belajar dan mereka lebih aktif mengambil bahagian dan melibatkan diri dalam pembelajaran. Interaksi sesama mereka dan di antara mereka dengan guru adalah lebih lancar berbanding dengan kelas-kelas lain yang tidak mengikuti KBSR. Hasil daripada suasana yang demikian pencapaian murid dalam pelajaran juga adalah lebih baik.

Pada keseluruhannya bilangan besar rakyat negara ini telah berpuas hati dengan rancangan ini.

PAIP BOMBA DI KAWASAN PERUMAHAN

9. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan di setengah kawasan perumahan, kepala-kepala paip bomba yang dipasang oleh pemaju perumahan itu kerap kali apabila hendak digunakan ketika berlaku kebakaran didapati tidak berair. Tidakkah ada kerjasama di antara JKR dengan pemaju perumahan semasa paip bomba ini dipasang.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu merupakan suatu perkara di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri kerana bekalan air adalah di bawah bidang kuasa pentadbirannya. Walau bagaimanapun, oleh kerana nama JKR telah dikaitkan, saya akan memberi keterangan dari aspek pelaksanaan tanpa menyentuh dasar bekalan air Negeri.

Mengikut peraturan yang diamalkan, sebelum sesuatu kawasan perumahan dibangun, pemaju-pemaju dihendaki mengemukakan di antara lain, pelan-pelan sistem bekalan air kawasan itu yang direkabentuk oleh jurutera perunding untuk kajian dan pertimbangan Jabatan Kerjaraya Negeri atau pihak Berkuasa Bekalan Air Negeri. Setelah paip siap dipasang dengan betul mengikut pelan dan lulus ujian, pihak berkuasa akan membekal air ke rumah-rumah dan juga ke pili-pili bomba bagi kawasan perumahan itu.

Masalah ketiadaan bekalan air di pili-pili bomba semasa kecemasan kebakaran boleh dikatakan jarang berlaku, kecuali bagi setengah kawasan yang menghadapi kekurangan bekalan air atau mempunyai tekanan air yang rendah.

Oleh itu wasangka ketiadaan kerjasama di antara pemaju perumahan dengan Jabatan Kerjaraya tidak harus dipersoalkan kerana telah wujud peraturan bagi menjamin kepentingan serta mengawal keselamatan penghuni-penghuni di kawasan-kawasan perumahan.

PUKAT KENGA DUA BOT— MENGHARAMKAN

10. Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sama ada benar beliau bercadang mengharamkan 'Pukat Kengka Dua Bot' yang terdapat di beberapa kawasan tertentu dan jika ya, mengapa;
- (b) sama ada beliau sedar tentang masalah yang dihadapi oleh nelayan-nelayan yang menangkap ikan di antara satu negeri dengan satu negeri yang lain terutamanya masalah melanggar sempadan dan jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman):

- (a) Kerajaan tidak bercadang mengharamkan 'Pukat Kengka Dua Bot' tetapi peraturan-peraturan Perikanan mengharamkan penggunaan Pukat Apollo (Pukat Tunda Dua Bot). Yang menjadi masalah adalah semua Pukat Kengka Dua Bot yang dilesenkan telah menukar pukat dan cara operasinya kepada Pukat Apollo. Pukat Apollo membinasakan sumber-sumber perikanan kerana pukat ini menangkap anak-anak ikan, udang dan sotong. Akibat buruk jangka panjangnya amat berkesan.

(b) Kerajaan pada dasarnya, lebih mementingkan keadaan nelayan tempatan dan mengelakkan berlakunya pergaduhan di antara nelayan tempatan dan nelayan yang datang. Dengan itu, beberapa langkah telah diambil bagi menentukan kepentingan nelayan tempatan terjamin dan pergaduhan tidak berlaku. Langkah-langkah yang diambil buat masa ini adalah:

- (i) nelayan-nelayan dibenarkan menangkap ikan di perairan keluar melebihi 12 batu dari pantai di mana-mana negeri di seluruh Semenanjung Malaysia. Sekatan hanya dibuat kepada nelayan pantai barat tidak dibenarkan menangkap ikan di pantai timur dan sebaliknya.
- (ii) di perairan ke bawah 12 batu, nelayan-nelayan dibenarkan menangkap ikan di antara satu negeri ke satu negeri yang lain jika tiada sebarang bantahan dari nelayan tempatan.
- (iii) bagi nelayan-nelayan yang telah menangkap ikan di perairan negeri lain sejak dahulu (turun-temurun), amalan itu diteruskan. Pihak Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia sedang menguruskan supaya kebenaran dari nelayan-nelayan tempatan diperolehi.
- (iv) kebenaran juga diberi kepada nelayan-nelayan yang menangkap ikan di perairan sempadan 2 buah negeri jika tiada bantahan dari nelayan tempatan.
- (v) bagi nelayan-nelayan yang memerlukan bekalan-bekalan penting seperti diesel, air batu, air dan sebagainya dalam masa menangkap ikan

bolehlah mendapatkan bekalan-bekalan itu dari nelayan tempatan dengan syarat persetujuan diperolehi terlebih dahulu.

KONTREK TURNKEY

11. Tuan Yew Foo Weng minta Perdana Menteri menyatakan bagi kontrak pembangunan yang berharga, terutamanya kontrak-kontrak "Turnkey", Kerajaan telah memberi keutamaan kepada kontraktor-kontraktor dan jurutera-jurutera dari luar negeri, kerana adalah bahawa kebolehan teknikal kita tidak seluas dan tidak secepat dan mahir dibandingkan dengan firma dari luar negeri tetapi adakah beliau sedar bahawa kontraktor-kontraktor dan jurutera-jurutera dalam negeri kita adalah dilantik semula sebagai sub-kontraktor untuk menjalankan kontrak-kontrak yang dibahagikan kepada kontraktor-kontraktor asing:

- (a) kalau begitu, mengapa tidak diberi kontrak itu terus kepada mereka yang ada di dalam negeri kita, supaya akan menjimatkan wang pertukaran asing dan peluang mencari pekerjaan untuk rakyat negara kita serta dapat meluaskan taraf teknologi kita; dan
- (b) bolehkah beliau memberi jaminan teknologi-teknologi yang dibekalkan oleh firma-firma luar negeri itu adalah sesuai dan berfaedah untuk kegunaan tempatan negara kita dan adakah pakar-pakar asing yang dilantik oleh firma-firma itu mempunyai kemahiran yang sebenarnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Sistem 'turnkey' digunakan untuk melaksanakan projek-projek besar dan kompleks yang memerlukan kepakaran dan pengalaman yang

tinggi serta kedudukan kewangan yang besar dan teguh yang pada masa ini terdapat hanya sebilangan kecil sahaja syarikat di negara ini yang memenuhi kriteria-kriteria yang tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, sistem ini digunakan mengikut kesesuaian dan keperluan satu-satu projek berkenaan.

Dalam konteks mendapatkan syarikat-syarikat turnkey yang paling layak, Kerajaan mengadakan 'pre-qualification exercise' yang dibuka kepada syarikat-syarikat tempatan dan luar negeri. Syarikat-syarikat turnkey tempatan dan antarabangsa yang paling layak dari segi teknikal, pengalaman kerja dan keteguhan kewangan akan dijemput untuk mengambil bahagian dalam tender.

Untuk menjaga kepentingan tempatan sama ada dari segi penglibatan juruperunding-juruperunding dan kontraktor-kontraktor dan ke arah mencapai matlamat pemindahan teknologi dalam bidang-bidang kejuruteraan, pembinaan dan pengurusan projek yang besar dan kompleks, Kerajaan telah menetapkan syarat-syarat dalam Perjanjian Kontrak Turnkey supaya:

- (i) Syarikat-syarikat turnkey menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan juruperunding tempatan dari disiplin-disiplin akitek, jurutera, perancang dan ukur bahan yang berdaftar dengan Kerajaan.
- (ii) Kontraktor-kontraktor turnkey hendaklah menubuhkan 'locally' incorporated company', dengan ekuiti tempatan yang tidak kurang dari 30%.
- (iii) Penyertaan kontraktor-kontraktor tempatan di mana sekurang-kurangnya 30% dari nilai kontrak diberikan kepada kontraktor-kontraktor tempatan.

Bagi meminimalkan dan menjimatkan pertukaran wang asing, syarat-syarat baru akan

ditetapkan supaya syarikat-syarikat turnkey yang hendak membawa masuk peralatan, kelengkapan dan jentera binaan ke negeri ini menggunakan perkhidmatan perkapalan dan 'forwarding' tempatan termasuk MISC, MAS dan KONTENA NASIONAL.

Sehingga ini Kerajaan berpuashati dengan teknologi-teknologi baru dari aspek rekabentuk dan pembinaan yang dibekalkan oleh syarikat-syarikat turnkey. Bagi memastikan bahawa teknologi-teknologi berkenaan diperolehi dengan berkesan Kerajaan dengan kerjasama kontraktor-kontraktor turnkey sedang dan akan mengadakan program-program latihan semasa kerja dan juga latihan sebelum kerja kepada pekerja-pekerja tempatan.

Oleh yang demikian nyatalah bahawa Kerajaan telah, sedang dan akan mengambil langkah-langkah sepadu dengan melibatkan penyertaan menyeluruh sektor-sektor yang berkenaan dalam negeri bagi tujuan mencapai faedah maksima daripada pelaksanaan projek secara turnkey.

PEGAWAI-PEGAWAI UGAMA

12. Tuan Awang bin Jabar minta Perdana Menteri menyatakan bilangan pegawai-pegawai agama di seluruh negara dalam kategori Tingkatan Tertinggi A, B, C, D, E, F, dan G.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Bilangan jawatan pegawai-pegawai agama di seluruh negara adalah seperti berikut:

Tingkatan Tertinggi 'F' — 9

Tingkatan Tertinggi 'G' — 23

Tidak ada jawatan-jawatan dalam Tingkatan Tertinggi 'A', 'B', 'C', 'D', dan 'E'.

Beberapa jawatan ini ada yang disandang oleh Pegawai Pentadbir mengikut budibicara negeri-negeri yang berkenaan.

SKIM INSURAN TABUNG KESIHATAN

13. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau telah mengambil langkah-langkah untuk meneliti ke dalam suatu skim insuran tabung Kesihatan yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan dalam pengiktirafan harapan tinggi kualiti kehidupan oleh para rakyat di mana rakyat tidak akan menghadapi bil-bil perubatan yang besar di bawah kesanggupan membayar mereka kerana sakit-sakit yang serius; dan
- (b) jika pihak Kerajaan tidak ada rancangan seperti itu, adakah Menteri akan mengambil inisiatif untuk menggalakkan syarikat-syarikat insuran swasta untuk menubuhkan skim-skim begini di bawah penyelenggara Kerajaan demi kepentingan rakyat.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):

- (a) Pada masa ini tidak ada terdapat skim insuran kesihatan Kerajaan dalam negara ini. Terdapat satu skim yang terhad untuk kemalangan perusahaan dan penyakit khidmat di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dengan terbentuknya Pertubuhan Keselamatan Sosial ataupun SOCSO. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan sedang mengumpulkan maklumat dari negara-negara lain untuk mengkaji bagaimana skim insuran yang komprehensif

dijalankan dalam negara-negara tersebut. Bayaran-bayaran dalam hospital Kerajaan adalah rendah jika dibandingkan dengan hospital persendirian. Hospital-hospital Kerajaan tidak pernah menolak kes-kes yang memerlukan rawatan sekiranya si pesakit tidak mampu membuat pembayaran.

- (b) Walaupun Kerajaan tidak mempunyai skim insuran kesihatan sekarang, tidaklah ada sebab mengapa individu-individu tidak boleh mengambil insuran melalui syarikat-syarikat insuran. Ini adalah urusan peribadi mereka.

PINGAT TOKOH GURU

14. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ketiga-tiga tokoh guru yang terpilih tahun ini terdiri dari satu kaum sahaja dan apakah ini menunjukkan sikap yang adil Jawatankuasa Pemilih dalam membuat pilihan Tokoh Guru dan apakah pihak yang berkenaan tidak menghargai pengorbanan guru-guru dari dua kaum yang besar yang juga layak bagi pemilihan itu.

Dr Tan Tiong Hong: Sebuah Jawatankuasa khas telah dibentuk untuk menilai, membincang, mengkaji serta memilih calon-calon yang difikirkan layak diberi penganugerahan Pingat Tokoh Guru setiap tahun sempena Perayaan Hari Guru. Jawatankuasa tersebut yang digelar Panel Pemilih Tokoh Guru adalah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia dan keahliannya terdiri dari kelima-lima Naib Canselor Universiti-Universiti iaitu:

- (a) Naib Canselor Universiti Malaya.
- (b) Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia.

- (c) Naib Canselor Universiti Sains Malaysia.
- (d) Naib Canselor Universiti Pertanian Malaysia.
- (e) Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia.

Pencalonan Tokoh-tokoh Guru dibuat setiap awal tahun oleh Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri, Pusat-pusat Pengajian Tinggi, dan juga dari Kesatuan-kesatuan Guru.

Pemilihan Tokoh Guru adalah dibuat berdasarkan kepada 'merit' semata-mata di mana perkara-perkara seperti kecemerlangan dalam perkhidmatan, kegiatan-kegiatan dalam bidang kebajikan, professional, penulisan, politik, kesatuan sekerja, badan sukarela, dan sebagainya turut diambil kira.

Tokoh-tokoh Guru pada tahun 1982 secara kebetulan adalah terdiri dari satu kaum sahaja dan keadaan sedemikian bukanlah disengajakan atau kerana tidak mahu menghargai pengorbanan guru-guru dari kaum lain seperti yang dituduh/soal oleh Yang Berhormat itu. Sebagai makluman, berikut adalah senarai nama penerima pingat Tokoh Guru yang bukan terdiri dari kaum Melayu.

- (a) Encik Tin Ping Sung (1975)
- (b) Encik V. Perumal (1975)
- (c) Encik Tan Chong Bee (1975)
- (d) Encik V. K. Thillaikanu (1976)
- (e) Encik Qua Chiew Kooi (1977)
- (f) Encik K. Kannan (1977)
- (g) Puan Lily Eberwein (1977)
- (h) Cik Ann Moreira (1978)
- (i) Encik Gurnam Singh (1978)
- (j) Encik Waung Yoon Nien (1978)
- (k) Dato' James Augustine (1980)

PINJAMAN KEPADA KERAJAAN KEDAH

15. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar minta Menteri Kewangan menyatakan setakat hari ini berapakah jumlah wang yang telah diberi pinjaman kepada Kerajaan Negeri Kedah berhubung dengan projek Gula Padang Terap dan nyatakan bagaimana kedudukan Kilang Gula tersebut dan adakah Kerajaan bercadang untuk menutupnya sekiranya kedudukan kewangannya tidak lagi dapat diperbaiki sebagaimana yang dilakukan ke atas kilang gula Negeri Sembilan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dr Ling Liong Sik): Jumlah pinjaman yang telah diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Kedah berhubung dengan projek Gula Padang Terap ialah sebanyak \$40 juta.

Setelah Kementerian Kewangan mengambilalih Syarikat Gula Padang Terap Berhad pada 28hb Februari, 1982 dan mengawal perjalanan Syarikat tersebut, prestasi Syarikat tersebut telah bertambah baik dan ada kemungkinan untuk mencapai keuntungan dalam tahun 1983 atau pun 1984.

Dalam tahun 1981 pengeluaran gula daripada tebu Syarikat sendiri ialah 9,700 tan metrik dan bagi tahun 1982 ialah sebanyak 10,400 tan metrik. Pengeluaran bagi tahun 1983 mungkin meningkat kepada satu paras yang melebihi 20,000 tan metrik oleh kerana hasil tebu yang lebih baik.

Memandangkan prestasi yang bertambah baik dan kedudukan kewangan Syarikat ini mungkin dapat diperkukuhkan, Kerajaan tidak bercadang untuk menutup Syarikat ini.

SEKOLAH MENENGAH KERAJAAN BEAUFORT

16. Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Yakob minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Bangunan Sekolah Menengah Kerajaan Beaufort di Sabah siap dan dapat digunakan sepenuhnya dan beri penjelasan sebab-sebab kelambatan menyiapkan bangunan tersebut.

Dr Tan Tiong Hong: Untuk makluman Yang Berhormat, Sekolah Menengah Kerajaan Beaufort di Sabah dijangka dapat disiapkan dan digunakan sepenuhnya pada awal tahun 1983.

Kelewatan di dalam projek ini adalah disebabkan oleh kegagalan pihak kontraktor menyiapkan projek ini mengikut syarat-syarat kontrak. Kontrak binaan yang sedia ada telah ditamatkan dan tindakan sedang diambil untuk melantik kontraktor baru bagi meneruskan pembinaan projek ini.

BAHAGIAN PILIHANRAYA— KAJIAN SEMULA

17. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan sama ada di waktu Suruhanjaya Pilihanraya mengkaji semula bahagian-bahagian pilihanraya di negara ini Kerajaan akan memastikan dengan amalan "rural weightage" tidak adanya perbezaan bilangan pemilih di antara bahagian-pilihanraya luar bandar dan bandar yang terlalu nyata; adakah Kerajaan bersedia mempertimbangkan sistem perwakilan berkadar "proportional representation" selain dari sistem yang terdapat sekarang.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Seperti yang terhormat sedia maklum bahawa 'rural weightage' adalah salah satu daripada 4 prinsip yang diperuntukan di bawah Seksyen 2

Jadual 13 Perlembagaan Persekutuan yang perlu dipatuhi dan diikuti oleh Suruhanjaya Pilihanraya dalam menjalankan kerja-kerjanya mengkaji semula bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri. Perinsip yang berkenaan itu berbunyi:

'bilangan pemilih-pemilih dalam tiap-tiap satu bahagian pilihanraya dalam sesuatu Negeri patutlah lebih kurang sama banyaknya kecuali bahawa, memandang kepada lebih besar kesulitan untuk sampai kepada pemilih-pemilih dalam daerah-daerah kampung dan lain-lain kesukaran yang dihadapi oleh bahagian-bahagian pilihanraya-pilihanraya di luar bandar, luasnya bahagian-bahagian pilihanraya itu patutlah diberi pertimbangan'.

Suruhanjaya Pilihanraya akan mematuhi prinsip ini sepertimana yang telah dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Suruhanjaya juga akan menitikberatkan kedua-dua perkara yang terkandung dalam prinsip ini, iaitu bilangan pemilih dan luas kawasan untuk bahagian-bahagian pilihanraya yang dikaji semula itu.

Perlulah diingat bahawa sekiranya Suruhanjaya itu menitikberatkan bilangan pemilih sahaja kita akan mengalami suatu keadaan di mana umpamanya satu Bahagian Pilihanraya Parlimen di luar bandar akan meliputi satu kawasan yang terlalu luas hinggalah lawatan dan kunjungan oleh Wakil Rakyat yang berkenaan ke kampung demi kampung dalam Bahagian Pilihanraya Parlimen tersebut boleh memakan masa yang begitu lama dan boleh menjejaskan kecekapan pentadbiran dan perwakilan. Sebaliknya, dengan mengecilkan luas kawasan Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen di bandar-bandar kerana hendak menitikberatkan bilangan pemilih sahaja, akan lebih menyenangkan

perkara yang memang boleh dikatakan sudah senang. Ini tentulah tidak adil: Inilah sebabnya prinsip ini dimaktubkan ke dalam Perlembagaan, supaya Wakil-wakil Rakyat bandar dan luar bandar dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan cekap dan lebih berkesan.

Selain daripada prinsip yang telah saya sebutkan di atas tadi, Suruhanjaya akan juga berpandu kepada prinsip-prinsip yang lain yang juga termaktub di dalam Perlembagaan. Suruhanjaya perlu mengambil kira kemudahan-kemudahan untuk membolehkan dan menyenangkan pemilih-pemilih pergi membuang undi, kemudahan-kemudahan komunikasi dan perhubungan dan soal memelihara perhubungan tempatan (maintenance of localities).

Menyentuh perkara kedua yang dibawa oleh Yang Berhormat iaitu perwakilan berkadar (proportional representation). Sukalah saya menyatakan bahawa dengan menggunakan sistem ini, parti politik akan memilih wakil-wakil yang akan menganggotai Dewan ini berdasarkan kepada jumlah undi yang diperolehi oleh parti politik itu dalam pilihanraya umum. Wakil-wakil itu akan mewakili parti politik mereka dalam Dewan dan mereka tidak mewakili mana-mana Bahagian-pilihanraya dan tentu sekali tidak dapat mewakili pemilih-pemilih dalam Bahagian Pilihanraya tersebut. Dengan hal yang demikian, perwakilan adalah cara umum sahaja.

Sebaliknya seseorang Wakil Rakyat mengikut sistem sekarang ini adalah mewakili Bahagian-pilihanraya yang dimenanginya dan dengan demikian mewakili pemilih-pemilih yang telah membuang undi untuk memilih beliau sebagai wakil mereka.

Saya berpendapat, setelah mengkaji perkara-perkara di atas, bahawa sistem yang diamalkan, seorang wakil bagi satu kawasan pilihanraya Parlimen dan satu wakil bagi kawasan pilihanraya Negeri adalah sesuai bagi negara ini.

KILANG HARAM—TINDAKAN

18. Datin Paduka Zaleha Ismail minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan apakah tindakan Kementeriannya terhadap kilang-kilang haram yang banyak terdapat di bandar-bandar dan luar bandar bagi menjamin nasib pekerja-pekerja di kilang-kilang tersebut.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Setiap kilang perlu dilesenkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976 yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan/atau Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Tindakan-tindakan akan diambil oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan, mengikut peruntukan-peruntukan di bawah kedua-dua Akta tersebut terhadap kilang-kilang yang tidak berlesen.

Kementerian saya, melalui Jabatan Kilang dan Jentera dan Jabatan Buruh, menjalankan pemeriksaan dari masa ke semasa ke atas semua kilang. Pemeriksaan-pemeriksaan tersebut adalah bertujuan untuk menentukan bahawa jentera-jentera yang digunakan di kilang-kilang adalah dalam keadaan baik demi kesihatan dan keselamatan pekerja-pekerja dan orang ramai. Pemeriksaan-

pemeriksaan tersebut adalah juga untuk menentukan faedah-faedah dan kemudahan-kemudahan kepada pekerja-pekerja yang berkaitan dengan masa kerja, cuti kelepasan am bergaji, cuti sakit bergaji, cuti tahunan bergaji dan sebagainya. Jika didapati mana-mana majikan tidak mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Kementerian saya, tindakan yang sewajarnya akan diambil.

MAKTAB PERGURUAN— KEMASUKAN PELATIH

19. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah tempat kosong untuk kemasukan ke maktab-maktab perguruan tempatan bagi tahun 1982; di antara ini, berapa bilangan tempat kosong yang diperuntukkan untuk rancangan latihan perguruan PPAK (C) dan PPAK (Tamil), iaitu Peringkat Pendidikan Awal Kanak-kanak (Cina) dan PPAK (Tamil). Berapa bilangan pemohon untuk kedua-dua rancangan ini, dan berapa di antara mereka ini diterima masuk dan apakah syarat-syarat kemasukan PPAK (C) dan PPAK (T) sekarang dan adakah Kerajaan bercadang untuk melonggarkan syarat-syarat tersebut memandangkan kekurangan guru di sekolah-sekolah, khususnya SRJK (C) dengan pelaksanaan KBSR.

Dr Tan Tiong Hong: Untuk menjawab soalan Yang Berhormat; berikut adalah diperturunkan perangkaan-perangkaan bagi menunjukkan kedudukan kemasukan pelatih-pelatih Kursus PPAK (C) dan PPAK (T) ke maktab-maktab perguruan bagi tahun 1982.

Jumlah tempat kosong berasaskan kemasukan ke maktab-maktab perguruan 1982.

Semenanjung Malaysia	..6,115
Sabah	530
Sarawak	610
Jumlah ..	<u>7,255</u>

Penyataan perangkaan mengenai perancangan dan pengambilan bagi Kursus PPAK (C) dan PPAK (T) bagi tahun 1982 adalah seperti berikut:

Pengambilan PPAK (C) 1982

PPAK (C)=Pendidikan Peringkat Awal Kanak-kanak (Cina)—

1. Bilangan yang .. 670 orang
dirancang
2. Bilangan .. 1905 ,,
pemohon
3. Bilangan yang .. 1386 ”
layak mengikut
syarat-syarat
yang
ditetapkan
4. Bilangan yang .. 576 ”
diperakukan
selepas
temuduga
5. Bilangan yang .. 714 ”
ditawarkan
(diambil
daripada
calon-calon
kursus lain
yang mem-
punyai
kepujian
Bahasa Cina)
6. Bilangan .. 552 ”
yang
menerima
tawaran
hanya
7. Kekurangan .. 122 ”
calon

Pengambilan PPAK (T) 1982

PPAK (T)=Pendidikan Peringkat Awal Kanak-kanak (Tamil)—

1. Bilangan yang .. 120 orang
dirancangkan
2. Bilangan .. 285 ”
pemohon
3. Bilangan yang .. 166 ”
layak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan
4. Bilangan yang .. 112 ”
diperakukan selepas temuduga
5. Bilangan yang .. 119 ”
ditawarkan (calon-calon daripada kursus lain yang mendapat kepujian Bahasa Tamil)
6. Bilangan .. 102 ”
yang menerima tawaran ..
7. Kekurangan .. 18 ”
calon

Pemohon-pemohon untuk Kursus PPAK (C) dan PPAK (T) dikehendaki memenuhi syarat-syarat berikut:

- (i) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat;
 - (a) Kejujian dalam Bahasa Malaysia (dan lulus Ujian Lisan) di peringkat peperiksaan tersebut atau

kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- (b) Sekurang-kurangnya tiga kepujian lagi daripada peperiksaan yang sama.

(ii) Umur:

- (a) Pemohon yang memiliki SPM/MCE tidak melebihi 25 tahun pada 1-1-1982.

- (b) Pemohon yang memiliki STP/HSC Sijil Penuh, umur tidak melebihi 27 tahun pada 1-1-1982.

(iii) Syarat di atas adalah meliputi semua jenis kursus guru biasa.

Secara dasarnya syarat-syarat ke-masukan ke maktab-maktab perguruan tidak akan dilonggarkan. Walau bagaimanapun, beberapa pertimbangan telah diberikan.

- (i) Kejujian mata pelajaran Bahasa Malaysia di peringkat SPM/MCE tidak semestinya terdapat dalam satu sijil. Walau bagaimanapun, tiga kepujian lagi mestilah dari satu sijil.

- (ii) Lulus Lisan Bahasa Malaysia tidak semestinya bersama-sama dengan kepujian Bahasa Malaysia dalam satu sijil.

- (iii) Calon-calon yang mendapat prinsipal Bahasa Cina/Bahasa Tamil di peringkat STP/HSC boleh juga dipertimbangkan untuk kursus PPAK (C) dan PPAK (T).

KUCHING—PENDARATAN PESAWAT AIRBUS

20. Datuk Leonard Linggi Jugah minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) sama ada beliau sedar bahawa Lapanganterbang Kuching mengambil masa 3½ jam bagi

mengeluarkan barang-barang dari pesawat Airbus dan nyatakan sebab-sebab ke-lambatan tersebut; dan

- (b) sama ada MAS telah membuat persediaan bagi pendaratan pesawat Airbus di Kuching dengan cara mengambil pekerja tambahan dan membeli kenderaan tambahan yang sewajarnya.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:

- (a) Adalah tidak benar bahawa di Lapanganterbang Kuching barang-barang penumpang mengambil masa selama 3½ jam untuk dikeluarkan dari pesawat Airbus MAS. Mengikut siasatan yang dijalankan, semenjak perkhidmatan pesawat Airbus ini dimulakan ke Kuching dalam bulan Ogos, 1982, masa yang diambil bagi pengeluaran barang-barang penumpang dari waktu pendaratan pesawat sehingga selepas pemeriksaan kastam ialah di antara kira-kira ½ jam bagi penumpang pertama dan kira-kira 1½ jam bagi penumpang yang terakhir.

Bagaimanapun terdapat satu kejadian kelewatan berlaku dalam bulan Ogos 1982 di mana beg-beg dan barang-barang penumpang mengambil masa lebih dari 1½ jam tetapi tidaklah sehingga 3½ jam untuk dikeluarkan. Ini adalah disebabkan berlakunya ke-rosakan kepada alat jentera yang digunakan untuk mengeluarkan barang-barang tersebut dari pesawat.

Masa yang diperlukan untuk mengendalikan barang-barang penumpang dari pesawat Airbus di Lapanganterbang Kuching adalah lebih lama sedikit berbanding dengan masa yang diambil di Lapanganterbang-lapanganterbang lain di negara ini. Ini tidak dapat dielakkan kerana terdapatnya kesempitan kawasan pengendalian barang di Bangunan Terminal yang ada sekarang dan barang-barang tersebut perlu pula diangkut dari 'Parking Apron' menyeberangi landasan. Sungguhpun demikian, Kementerian saya akan terus berusaha untuk menentukan penumpang-penumpang diberi perkhidmatan yang lebih cepat dan memuaskan. Dengan siapnya bangunan terminal baru kelak pada Julai 1983, pengendalian barang-barang penumpang akan dapat diadakan dengan lebih cepat lagi.

- (b) Sebelum memulakan perkhidmatan Airbus ke Kuching, pihak MAS sememangnya telah membuat persediaan-persediaan sewajarnya untuk pengendalian operasi tersebut. Di antara persediaan-persediaan yang dibuat ialah membeli 2 buah 'Jumbo Container Pallet Loader' untuk mengeluarkan dan memasukkan kontena-kontena yang berisi barang-barang dari dan ke dalam pesawat, 2 buah alat 'Cargo King' yang juga untuk kargo, 3 buah bas besar dan 2 buah van untuk penumpang-penumpang dan dua tangga untuk pesawat. Selain dari itu MAS juga telah mengambil seramai 12 orang kakitangan baru untuk mengendalikan operasi di Lapanganterbang Kuching.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI- PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya-

“Ampun Tuanku

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan sesuatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Keenam.” (19hb Oktober, 1982).

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum saya meminta Yang Berhormat dari Ipoh berucap, saya hendak memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu oleh sebab banyak lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap, saya akan membenarkan beberapa orang Ahli Yang Berhormat lagi untuk membuat ucapan di atas Ucapan Terima Kasih ini. Sekarang saya jemput Yang Berhormat dari Ipoh.

3.38 ptg.

Tuan Peter Chin Gan Oon (Ipoh): Terima Kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya menyambung ucapan saya semalam.

Seperti saya katakan semalam pada ketika ini kos modal dalam sebarang pelaburan akan lebih rendah kerana harga rendah dalam jentera. Pelaburan dalam perusahaan-

perusahaan yang berasas hasil seharusnya digalakkan. Ini akan menolong memperbanyakkan ekonomi Malaysia dan menstabilkan harga komoditi-komoditi utama kita. Saya tidak tahu sama ada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedar bahawa masih ada ramai peniaga-peniaga kecil di dalam negara kita yang sentiasa hendak melabur di dalam negara kita, tetapi tidak dapat dimulakan kerana tidak kecukupan insentif-insentif daripada pihak Kerajaan serta tidak ada cukup kawasan perindustrian kecil untuk diperuntukkan kepada mereka. Akta Penyelarasan Perusahaan dalam hubungan ini telah juga menyumbang kepada keengganan pelabur dan menjadi sebagai satu disincentive kepada para peniaga-peniaga kecil.

Sebagai Ahli Parlimen Ipoh, saya mempunyai nama senarai pelabur-pelabur kecil yang memerlukan tanah di Lembah Kinta untuk mendirikan kilang-kilang mereka. Malangnya, kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan Negeri telah lebih menekankan atas menjemput pelabur-pelabur seberang laut dan tidak melihat lebih dekat di negara kita dan menggunakan hasil-hasil pelaburan yang sentiasa sedia ada.

Dalam hubungan ini saya telah mengatakan awal tadi, adalah sekarang sesuai bahawa Akta Penyelarasan Perusahaan telah ditubuhkan. Saya harap Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah menentukan syarat-syarat rujukan untuk jawatankuasanya agar ia boleh meminda lebih lanjut Akta Penyelarasan Perusahaan untuk mempercepatkan pertubuhan sektor perkilangan tempatan. Tekanan khas seharusnya diberi kepada perusahaan berasas hasil (resource-based industry) dan peniaga-peniaga kecil. Saya ingin mengatakan bahawa Akta Penyelarasan Perusahaan seharusnya terutama sekali memanggilnya sendiri

untuk menambah hak-hak di bawah mana perusahaan-perusahaan dikecualikan daripada mengikut peraturan-peraturan Akta Penyelarasan Perusahaan. Pada ketika ini mereka yang dengan modal kurang daripada \$250,000 dan menggunakan tidak lebih daripada 25 orang pekerja tidak payah memperolehi satu lesen di bawah Akta itu untuk meneruskan perusahaan-perusahaan atau memulakan perusahaan-perusahaan yang baru.

Dalam cari mencari yang berterusan kita supaya lebih teknikal, satu pelaburan modal sebanyak \$250,000 tidak dapat membeli jentera-jentera lebih. Biar saya dengan hormatnya bercadang kepada Kementerian bahawa hak pelaburan modal ini ditinggikan kepada \$2 juta serta had bagi pekerja-pekerja semestinya tidak lebih daripada 100 orang. Usahawan-usahawan kecil Malaysia ini adalah sentiasa sangat berhasil dan pihak Kerajaan seharusnya mengurangkan sekatan-sekatan atas mereka. Mereka mungkin dapat menarik ekonomi kita daripadaimbangan perdagangan yang merosot yang kita sedang mengalami.

Kita seharusnya jangan memandang rendah status usahawan-usahawan kecil ini. Seperti yang ditunjukkan saya faham bahawa baru-baru ini kajian pelan induk Kuala Lumpur bagi Wilayah Persekutuan, usahawan-usahawan telah memperuntukkan lebih kurang 81,000 pekerjaan di dalam Wilayah Persekutuan. Daripada 16 pekerjaan ini atau 20% jumlahnya yang diwujudkan oleh usahawan-usahawan yang besar iaitu mereka yang mempunyai lebih daripada 50 orang pekerja. Yang bakinya 65,900 pekerjaan atau 80% jumlahnya adalah bergantung kepada perindustrian kecil. Ini menunjukkan pentingnya perusahaan-perusahaan kecil atas kesempatan kerja bagi golongan yang berpendapatan rendah. Dalam pelan adalah juga dinyatakan

tumbuhan dalam masa yang akan datang adalah dijangka memperuntungkan density pekerjaan yang tinggi.

Di bawah Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan telah mematlamatkan bahawa bumiputra seharusnya mencapai 30% ekonomi negara. Untuk mencapai matlamat ini adalah perlu segera bahawa pelaburan dalam perusahaan mesti dipergiatkan supaya kek ekonomi akan bertambah dengan kecukupan kesannya, agar kami tidak payah, dengan izin: Rob Peter to pay Paul.

Tuan Yang di-Pertua, nama saya adalah Peter dan memanglah saya mempunyai minat untuk melihat bahawa matlamat-matlamat ekonomi dalam tahun 1990 akan tidak terkorban semua Peter di Malaysia. Oleh hal yang demikian, saya menyeru pihak Kerajaan untuk meneliti ke dalam cara-cara bagaimana memperbesarkan kek ekonomi khususnya melalui perkembangan perusahaan agar semua matlamat ekonomi bagi 1990 akan tercapai tanpa sesiapa dilucutkan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Baginda telah meminta kita merebut untuk memperbaiki etika-etika kerja dan penambahan pengeluaran. Dalam polisi memandang ke Timur sekarang. Kerajaan telah menegaskan atas etika-etika kerja dan teknik pengurusan negara-negara Timur seperti Jepun dan Korea. Bagaimanapun, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menyatakan bahawa kita jangan seharusnya mengikut kesemua sikap negara-negara yang melangkah ke arah pembangunan perusahaan. Kita memerlukan membina satu teknologi dan semua sistem yang diperlukan untuk mencapai pembangunan perusahaan ini.

Adalah penting bahawa pembangunan perusahaan ini mesti dalam satu fesyen dalam mana orang-orang Malaysia dapat menyelenggara dan menikmatinya. Kita adalah termasyhur sebagai sangat conservative dalam kebudayaan dan keagamaan, Ini merupakan tidak baik kerana ia menjalinkan keluarga-keluarga kita bersama dan tidak sangat materialistik. Ada pihak-pihak yang baik di negara-negara timur kerana ia telah dipergiatkan dalam perindustrian. Bagaimanapun harus diingatkan bahawa satu perindustrian yang tinggi ada juga pihak-pihak yang gelap, tentulah ada diingini untuk meneliti dan meyakini aspek-aspek yang baik dan berfaedah sistem negara-negara Timur.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya adalah di akui bahawa seorang mesti jangan kehilangan kelihatan pandangan-pandangan yang baik daripada Barat dan tempat-tempat yang lain di dunia ini yang telah terbukti berfaedah kepada kita dalam masa yang lampau. Bagi Malaysia mencapai satu darjah perkembangan dan pertumbuhan yang diingini, kita terlebih dahulu dikehendaki mendapat satu asas yang berpadu dan kuat perkhidmatan, sokongan teknologi dan kejuruteraan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ketegasan pihak Kerajaan yang betul adalah dimatlamatkan bahawa kalau orang-orang yang ada semangat perintis untuk menerima teknologi yang dikehendaki dan tidak mengikut butanya contoh-contoh Timur Jauh. Saya meminta Kerajaan kita supaya berjaga-jaga kerana kita tidak berada sangat jauh bahawa polisi Pandang Timur dianggap sebagai hak-hak karut. Ini telah dilakukan di negara jiran kita yang sekarang telah menimbangkan sekali lagi mengenai rasminya, dengan izin, "go Japanese campaigns."

Tuan Yang di-Pertua, Baginda telah menunjukkan bahawa beberapa projek adalah perlu biarpun dalam kemelesetan ini dan skim sewerage Ipoh perlu saya katakan terjatuh ke dalam ketogeri ini, tetapi saya difahamkan bahawa skim sewerage ini, yang diluluskan bagi Majlis Perbandaran Ipoh telahpun ditarik balik, sungguhpun kerja rekabentuk telahpun selesai. Projek ini telah dibatalkan. Ipoh adalah masih menjadi bandar yang ketiga terbesar di Malaysia diambil dari segi bilangan penduduk. Sistem Baldi bagi membuang najis telah menjadi satu masalah kepada Majlis Perbandaran Ipoh.

Majlis Perbandaran Ipoh telah menghadapi kesusahan untuk memberi kontrak kerja-kerja membuang najis kerana kerja-kerja ini adalah dianggap sebagai sangat rendah dalam status dan pemborong-pemborong yang berjaya mempunyai kesusahan mendapatkan pekerja-pekerjanya. Ini telah mengakibatkan sungutan-sungutan orang ramai kerana melaluinya perkhidmatan terganggu. Gangguan perkhidmatan telah menjadi satu masalah yang serius daripada pandangan tetapi mengancam kesihatan penduduk-penduduk Ipoh. Epidemic seperti cholera boleh merebak seperti api dalam keadaan ini.

Perancang-perancang ekonomi yang telah memutuskan atas keutamaan bagi beberapa projek di Malaysia telah, dengan izin 'over planned' di kawasan-kawasan di mana keperluan tidak mustahak. Contohnya, di Pahang Tenggara, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah menyatakan secara terbuka bahawa salah sebuah bandar DARA, Bandar Muazzam yang telah dirancangkan dengan satu sistem sewerage pusat, kemudiannya ini telah dibina, tetapi ia tidak dapat digunakan

kerana tidak kecukupan bilangan penduduknya. Beliau telah menyatakan bahawa hanya 2,000 orang di bandar itu, Pihak Kerajaan Persekutuan sebagai pengelola projek ini telah 'over planned, 'over developed' bandar-bandar baru di DARA. Mereka telah menganggar satu bilangan penduduk sebanyak 348,000 orang bagi tahun 1980 tetapi hanya 45,000 orang ditempatkan di kawasan itu.

Saya tidak faham bagaimana ini boleh berlaku apabila di Majlis Perbandaran Ipoh kami telah mempunyai bilangan penduduk sebanyak 350,000. Tentulah Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri seharusnya sedar akan kedudukan di Ipoh. Setiap sen yang kami belanjakan mesti dibelanjakan dengan sepatutnya dan tidak dibazirkan khususnya dalam masa kemelesetan ini. Projek ini adalah satu projek yang membawa pendapatan dan sebaik sahaja dimulakan, ia boleh dijalankan atas hasil-hasil kewangannya sendiri. Pada setakat ini saya suka mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya menyambung ucapan saya dari semalam.

Yang akhirnya, tetapi tidak kurang pentingnya, saya juga suka mengucapkan terima kasih kepada DAP sekali lagi kerana menyebut prestasi saya yang baik demi kepentingan rakyat di kawasan saya dalam 5 bulan yang lalu iaitu daripada bulan April sehingga September kepada perhatian pimpinan Barisan Nasional. Walau bagaimanapun saya suka dia tetapi saya berharap pihak DAP tidak akan berbuat demikian lagi kerana ia akan menjadikan saya segan. Pemimpin Barisan Nasional mungkin menaikkan pangkat saya dari tempat duduk belakang ke tempat duduk di hadapan kerana iklan DAP mengenai usaha saya yang baik itu.

Jika terjadi demikian apa sahabat saya dalam Barisan Nasional yang dari tempat duduk di belakang akan kata nanti. Sebelum saya menamatkan ucapan saya, saya ingin sekali lagi menyokong usul terima kasih atas Titah Ucapan di-Raja di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

3.56 ptg.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar Rautin Ibrahim (Kuala Kedah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dan pohon izin mengambil bahagian dan menyokong usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Dewan Penggal Pertama Parlimen Keenam.

Memang benar 25 tahun kemerdekaan kita hanyalah sedetik dalam sejarah sesebuah negara. Pembangunan fizikal memanglah perlu sebagai asas untuk kita mencapai pembangunan yang lebih sempurna untuk mengisi fikiran dan jiwa rakyat. Ada orang yang mengatakan pembangunan adalah hak rakyat dan menjadi tanggungjawab sesebuah Kerajaan yang memerintah sesebuah negara memberikan pembangunan itu kepada rakyat. Kita tidak dapat menafikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah dan sedang membawa pembangunan kepada rakyat di negara ini keseluruhannya sejak negara kita mencapai kemerdekaan. Pembangunan sedang berjalan dengan begitu pesat sama ada di dalam bandar-bandar dan di kawasan-kawasan luar bandar yang tidak mendapat perhatian sebelum negara kita mencapai kemerdekaan. Rakyat yang tinggal di kawasan-kawasan yang terpencil yang dahulunya tidak termimpi sama sekali untuk memperolehi pembangunan telahpun

mengecap nikmat pembangunan ini, khasnya pembangunan asas seperti bekalan api letrik, air, jalanraya dan sebagainya.

Semua ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak akan dapat dicapai jika rakyat hanya mempunyai hak mendapat pembangunan tetapi Kerajaan yang memerintah tidak mempunyai perasaan bertanggungjawab dan tidak berkemampuan untuk melaksanakannya. Rakyat di negara lain boleh dikatakan mempunyai hak untuk menikmati pembangunan. Rakyat-rakyat di negara yang telah mencapai kemerdekaan terdahulu dari negara kita sudah tentu berhasrat benar untuk ingin maju seperti di negara kita tetapi ini tidak bermakna mereka telah mencapai satu tahap pembangunan seperti yang terdapat di negara ini. Rakyat negara ini dapat menikmati pembangunan seperti yang terdapat sekarang ini oleh kerana bukan sahaja Kerajaan yang memerintah sekarang mengakui bahawa semua rakyat berhak mendapat pembangunan tetapi Kerajaan juga adalah sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab dan berkemampuan untuk memberikan pembangunan itu kepada rakyat sekalian. Namun demikian, ini tidak bermakna pembangunan ini telah selesai dilaksanakan di seluruh negara kita. Ini tidak bermakna semua rakyat di semua tempat telahpun diberi kemudahan-kemudahan asas seperti saya sebutkan tadi.

Apa yang menjadi harapan saya, sungguhpun negara kita juga merasai kesan-kesan kemelesetan ekonomi dunia, Kerajaan akan terus memberikan keutamaan kepada pembangunan yang akan memberi keselesaan hidup kepada rakyat sekalian, khasnya rakyat yang tinggal di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun sebilangan besar rakyat di negara ini telah mencapai taraf hidup yang boleh dibanggakan sejak kita mencapai

kemerdekaan, masih lagi terdapat golongan-golongan rakyat yang tertentu yang tidak dapat mengisi periuk nasi mereka dengan sepenuh-penuhnya. Nasib petani-petani, nelayan-nelayan, buruh-buruh ladang, buruh-buruh kilang dan lain-lain golongan yang berpendapatan rendah perlu terus dibela dan usaha-usaha perlu dipertingkatkan lagi untuk kita membentuk sebuah negara yang gemilang, sebuah negara yang bermaruah yang duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara lain di dunia. Rakyat yang berpendapatan rendah ini juga yang menerima akibat yang lebih buruk daripada kesan kemelesetan ekonomi. Mereka ini tidak dapat hendak berjimat cermat oleh kerana pendapatan mereka sudah tidak boleh diagihkan dengan lebih baik lagi untuk menghadapi kemelesetan yang sedang berlaku sekarang. Walaupun mereka akan bersungguh-sungguh untuk memperbaiki etika kerja dan berusaha untuk meningkatkan daya pengeluaran mereka, mereka tidak akan mencapai kejayaan, jika sekiranya sistem pengeluaran dan pemasaran hasil mereka tidak dapat diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, saya akui bahawa sudah banyak peruntukan telah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk menjamin pendapatan yang lebih kepada petani-petani kita khasnya petani-petani yang bersawah. Rancangan-rancangan taliair, jalan-jalan ladang, ampangan-ampangan untuk mengairkan kawasan-kawasan pertanian telahpun dan sedang dilaksanakan. Berbagai-bagai subsidi telah diberi sama ada bahan-bahan input seperti baja, racun serangga, dan sebagainya ataupun subsidi harga hasil pertanian. Saya juga akui bahawa ramai petani-petani kita sudah berjaya menambah pendapatan mereka dan dapat memperbaiki penghidupan mereka dan boleh menjamin masa depan anak-anak mereka. Tetapi di

samping itu kita masih dapati ada banyak lagi petani-petani yang belum mendapat faedah daripada rancangan-rancangan Kerajaan ini dan masih ada lagi ramai petani-petani yang tidak dapat mengubah nasib mereka, sungguhpun diberi bantuan-bantuan oleh sebab-sebab yang tertentu. Sebab yang utama sekali mereka ini tidak dapat mengubah nasib mereka ialah kawasan tanah yang dimiliki oleh mereka dan harga pulangan pengeluaran hasil mereka adalah tidak ekonomik. Petani-petani yang memiliki keluasan tanah yang tidak ekonomi tidak akan dapat mencapai satu tahap pendapatan yang boleh menampung hidup mereka pada masa ini dan lebih-lebih lagi di masa yang akan datang apabila tanah-tanah tersebut dipecah-pecah lagi kepada anak cucu mereka dan juga kos penghidupan akan meningkat dari masa ke semasa.

Begitu juga dengan hasil pulangan mereka daripada pengeluaran pertanian akan merosot dengan kenaikan kos-kos pengeluaran di peringkat ladang. Kerajaan harus mengkaji cara-cara untuk sistem pemilikan tanah pertanian dapat disusun semula supaya tiap-tiap keluarga pertanian memiliki keluasan tanah yang mencukupi. Kerajaan perlu mengambil tindakan untuk menempatkan semula petani-petani di setengah-setengah kawasan di mana tanah pertanian tidak lagi mencukupi untuk disusun semula pemilikan tanah-tanah tersebut supaya petani-petani ini dapat diberi tanah yang sesuai dan mencukupi di kawasan-kawasan yang masih lagi terdapat tanah-tanah yang tidak diusahakan dengan sepenuhnya ataupun membuka kawasan-kawasan baru untuk mereka. Kerajaan harus juga membuat kajian yang mendalam untuk menetapkan harga-harga hasil pertanian yang realistik dengan kos penghidupan sekarang ini.

Pemberian subsidi-subsidi seperti yang telah dilakukan sekarang ini memanglah dapat menolong petani-petani kita, tetapi saya rasa pemberi subsidi-subsidi tidak memberi gambaran yang sebenarnya terhadap sumbangan petani-petani kita kepada keutuhan negara. Subsidi-subsidi adalah satu jalan keluar jangka pendek dan tidak memberi kebanggaan kepada petani-petani kita yang berkorban untuk kesejahteraan negara kita keseluruhannya, khasnya petani-petani kita yang mengeluarkan bahan-bahan makanan utama bagi rakyat negara ini.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, jika saya katakan masih banyak lagi petani-petani yang tidak dapat mengubah nasib mereka, apatah lagi nasib nelayan-nelayan kita yang saya rasa menjadi golongan rakyat di negara kita ini yang hidup melarat yang kais pagi, makan pagi, kais petang, makan petang. Nelayan-nelayan adalah golongan rakyat di negara ini yang boleh dianggap sebagai satu golongan yang pendapatan mereka itu di antara pendapatan-pendapatan terendah sekali. Mereka menghadapi berbagai-bagai kesulitan sama ada dari segi kemudahan-kemudahan yang boleh diberi oleh Kerajaan seperti mendapat lesen-lesen jaminan harga pasaran penangkapan-penangkapan mereka dan juga dari segi perlindungan sosial di masa mereka menjalankan pekerjaan ataupun kemudahan-kemudahan tempat duduk yang selesa. Merekalah satu golongan pekerja yang sentiasa membanting tulang, bersabung nyawa untuk mencari sesuap nasi untuk mereka dan keluarga mereka. Merekalah yang mengharungi lautan, menghadapi angin dan ribut setiap hari dan selalu menjalankan pekerjaan di dalam suasana yang merbahaya. Merekalah yang selalu diusir, ditangkap dan bot-bot mereka dirampas dan mereka

didakwa di mahkamah dan dikenakan denda yang berat oleh pihak-pihak yang berkuasa. Kepada nelayan inilah perlu kita memberi pembelaan dan kemudahan-kemudahan supaya mereka juga dapat menikmati hidup di sebuah negara yang sudah 25 tahun merdeka seperti rakyat-rakyat lain juga, mereka ini tidak berpeluang untuk menjalani pekerjaan-pekerjaan yang lain daripada menangkap ikan. Saya rasa Kerajaan bertanggungjawab untuk memberi kemudahan-kemudahan kepada mereka seperti yang saya sebutkan tadi.

Saya selalu mendengar bahawa Kerajaan tidak boleh mengeluarkan lesen tangkapan ikan yang banyak oleh sebab ikan berkurangan dan akan kehabisan jika terlalu banyak lesen-lesen ini dikeluarkan. Tetapi saya tidak pernah mendengar apakah usaha-usaha yang telah dibuat untuk membiakkan ikan-ikan di laut negara kita yang dikelilingi oleh lautan yang luas. Saya tidak pernah mendengar apakah cadangan Kerajaan untuk memperkenalkan lebih banyak bot-bot yang besar-besar dengan menggunakan teknologi-teknologi moden untuk nelayan-nelayan kita keseluruhannya untuk menambah pendapatan mereka. Oleh yang demikian, saya mengesyorkan supaya Kerajaan berusaha bersungguhsungguh ke arah ini untuk menjamin bahawa nelayan-nelayan kita juga ada tempat di negara yang bertuah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan Kerajaan sedang merancang dan melaksanakan satu skim penempatan semula nelayan-nelayan ke kampung-kampung nelayan yang tersusun dengan diberi kemudahan-kemudahan perumahan dan kemudahan-kemudahan asas. Sehingga hari ini rancangan-rancangan ini belum lagi menjadi kenyataan di kawasan Kuala Kedah. Saya harap benar rancangan ini dapat disegerakan dan dapat dilaksanakan dengan

berkesan dari segi penyertaan yang ramai daripada nelayan-nelayan yang memerlukan rancangan ini.

Saya juga berharap satu skim perlindungan kepada nelayan dapat dilaksanakan untuk memberi perlindungan kepada nelayan-nelayan yang ditimpa kemalangan di waktu mereka bekerja di laut. Skim ini boleh diwujudkan dengan mengadakan perlindungan insurans kepada semua nelayan atau mengadakan tabung khas bantuan yang ditubuhkan oleh Kerajaan. Dengan adanya skim ini, maka pihak nelayan-nelayan juga akan dapat perlindungan sepertilah pekerja-pekerja lain di bidang-bidang perindustrian lain.

Saya juga berharap bagi menambah lagi pendapatan nelayan-nelayan mereka juga diberi peluang menyertai rancangan-rancangan tanah sama ada rancangan tanah yang khas untuk mereka ataupun menjadi peserta di rancangan-rancangan yang sedia ada. Begitulah seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, jaminan-jaminan kemudahan sosial, jaminan pendapatan yang minima dapat diberi kepada semua golongan pekerja-pekerja sama ada buruh-buruh ladang ataupun buruh-buruh di kilang perusahaan. Sungguhpun ada undang-undang dan badan pekerja untuk memberi jaminan-jaminan yang saya sebutkan tadi, tetapi masih ada lagi terdapat majikan-majikan yang tidak memberi gaji dan elaun-elaun yang berpatutan untuk mereka menampung hidup mereka sehari-hari, masih ada lagi majikan-majikan yang tidak mengambil tahu berkenaan kebajikan pekerja-pekerja sama ada di kilang-kilang perusahaan ataupun di ladang-ladang.

Kita memang menghadapi dilema dalam perkara ini. Dari satu segi kita membelanjakan wang yang banyak untuk rombongan-rombongan pelaburan kita keluar negeri dan menyediakan tapak-tapak perusahaan

tiap-tiap negeri di dalam negara kita ini. Kita selalu menekankan bahawa iklim pelaburan di negara kita adalah setanding ataupun lebih baik daripada negara-negara lain yang sedang membangun. Kita juga memberitahu kepada pelabur-pelabur bahawa pekerja-pekerja kita adalah satu golongan pekerja yang tinggi mutu pekerjaan dan etika bekerja dan gaji kepada pekerja-pekerja kita adalah di antara yang terendah jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Dari satu segi yang lain pula kita ingin menjamin bahawa pekerja-pekerja kita ini tidak ditindas bahawa pekerja-pekerja kita perlu diberi perlindungan dan kemudahan untuk kebajikan mereka. Pekerja-pekerja kita perlu diberi gaji dan elaun yang berpatutan dan kemudahan sampingan yang lain seperti perumahan, pengangkutan dan sebagainya.

Oleh sebab yang demikian saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan untuk mengadakan undang-undang menjamin gaji minima (basic wage) di dalam semua sektor ekonomi di negara kita ini. Rombongan-rombongan pelaburan kita di luar negeri perlu memberitahu kepada bakal pelabur-pelabur bahawa gaji pekerja-pekerja kita bukan lagi gaji murah tetapi gaji yang berpatutan, setimpal dengan mutu pekerjaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya di Dewan yang mulia ini saya ingin menyentuh sedikit berkenaan pelaburan negara kepada belia-belie kita supaya mereka ini akan menjadi warganegara yang berguna apabila mereka dewasa kelak. Di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tempoh hari Baginda bertitah:

“Selain dari pendidikan, selaras dengan konsep pembangunan seimbang, kita haruslah me-

ngukuhkan disiplin, memelihara akhlak yang tinggi serta meninggikan mutu kehidupan menerusi kegiatan kemasyarakatan, kebudayaan dan sukan.”

Seruan Duli Yang Maha Mulia sepatutnyalah disambut dengan baik oleh semua golongan masyarakat tetapi apa yang saya khuatirkan dengan terjadinya kemelesetan ekonomi dunia banyak perancangan pendidikan, kemasyarakatan dan sukan akan dipotong oleh sebab tidak memberi pulangan pelaburan dengan secara langsung. Saya difahamkan potongan-potongan telah dan sedang dilakukan oleh Kerajaan kepada peruntukan pelajaran dan kepada rancangan-rancangan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan sukan kepada belia-belie kita. Saya berharap Kerajaan akan mengkaji semula dasar ini supaya potongan-potongan yang dibuat itu tidaklah begitu besar sehingga menjejaskan usaha-usaha kita selama ini dalam bidang pendidikan, kemasyarakatan dan sukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Ucapan Titah yang disampaikan oleh Baginda pada masa membuka Penggal Pertama, Parlimen Keenam.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Baling.

4.14 ptg.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron (Baling): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut serta menyokong usul yang dibawa oleh saudara saya wakil dari balik Pulau mengenai Titah Ucapan dan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri

Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas kesudian Kebawah Duli Tuanku merasmikan pembukaan Penggal Pertama, Parlimen Keenam pada 11hb Oktober, 1982 baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, syukur alhamdulillah pada petang yang berbahagia di Dewan yang mulia ini saya telah diberi peluang keemasan dan keizinan Allah Subhanah wa ta'ala dan kebenaran Tuan Yang di-Pertua memberi ucapan ulung saya di Dewan yang tinggi lagi mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Titah Kebawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa pilihanraya yang telah dijalankan baru-baru ini telah berjalan dengan lancar dan teratur di bawah pemimpin Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, antara lain telah membawa kejayaan yang cemerlang kepada Barisan Nasional dan kejayaan negara kita yang dikasihi. Kejayaan yang cemerlang dan keputusan yang bijaksana adalah telah dibuat oleh seluruh rakyat jelata dari semua kaum dan semua golongan, tua dan muda, lelaki dan perempuan, iaitu pengundi-pengundi yang dihormati sekalian. Dengan ini diharap semua parti dari semua golongan supaya menerima hakikat ini dengan hati terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, antara lain ucapan terima kasih saya terhadap pengundi-pengundi saya dari semua pihak dan golongan yang memberi kepercayaan kepada parti Barisan Nasional yang mana telah memberi kemenangan kepada saya, iaitu menembusi semula kawasan pilihanraya Baling yang mana menjadi anggapan kubu PAS yang terkuat di utara Malaysia. Sepertimana yang termaklum bekas Ahli Parlimen Baling adalah salah seorang tokoh PAS yang terkemuka sekali, sebagai

bekas Setiausaha Agong PAS, iaitu Tuan Ustaz Nakhaie yang mana kemenangan baru-baru ini telah dibuat dengan begitu cemerlang sekali kepada Barisan Nasional, iaitu dengan mendapat majority sebanyak 6,349 undi berbanding dengan kemenangan PAS dalam pilihanraya yang lalu hanya 291 undi sahaja, ini bermakna 30 kali ganda lebih.

Tuan Yang di-Pertua, bukan kemenangan yang saya dapati dianggap sebagai 'giant killer' itu yang dibanggakan tetapi kepercayaan rakyat kepada pucuk pimpinan 2M, khususnya Barisan Nasional yang telah saya mewakilinya untuk berkhidmat kepada rakyat jelata dan negara dengan bersih, cekap dan amanah. Itu adalah dibanggakan. Mudah-mudahan dapat berkhidmat dengan penuh tekun dan sabar di bawah lindungan Allah Subhanahu wa ta'ala.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengimbangkan kemajuan dan pembangunan rakyat jelata di dalam bandar dan luar bandar, terutama sekali dalam keadaan negara yang merosot ekonomi sekarang ini telah kita capai kemerdekaan selama 25 tahun dan di kawasan saya terdapat banyak ladang-ladang getah yang telah dipecah-pecah, iaitu fragmentation of estates, iaitu di Ladang Baling, Ladang Sungai Tawar, Ladang Kok Seng, Ladang Kim Seng, Ladang Kijai Division yang mana semuanya di dalam kawasan Pilihanraya Negeri Kupang dan Parlimen Baling yang mana Wakil Rakyat dahulunya daripada PAS. Akibat dari pecahan ladang tersebut sebanyak 5,000 lebih rakyat dari semua kaum dalam keadaan menderita dan hidup serba kekurangan dan serba salah, terutama sekali tidak mendapat apa-apa nikmat yang sewajarnya dan mendapat kemudahan-kemudahan yang didapati oleh rakan-rakan yang tinggal di lain kawasan estet. Mereka tidak mendapat kemudahan asas, api, air, tempat kediaman yang biasa didapati

oleh rakan-rakan lain, perhubungan, perubahan, kemudahan persekolahan dan lain-lain. Mereka dianggap sebagai anak kehilangan ibu kerana tidak ada majikan atau siapa yang bertanggungjawab sungguhpun majikan mereka yang ramai. Majikan hanya mendapat hasil yang lumayan dari usaha penoreh-penoreh getah yang menderita. Yang paling sedih ada di antara majikan yang membayar gaji atau upahan hanya \$3 sehari untuk menyara sara hidup sekeluarga. Api tidak ada, air parit dipam dan diminum, rumah bocor dan pecah tidak berbela, kebersihan di kawasan dan rumah tidak ada langsung, dipenuhi dengan tahi-tahi lembu, jalan-jalan terbiar, kemudahan telefon tidak ada. Tuan Yang di-Pertua, nampaknya mereka ini bukan sahaja majikan tidak peduli bahkan tidak dimasukkan di mana-mana pentadbiran untuk menjaga dan mengawasi pembangunan dan sebagainya.

Di peringkat negeri pula sama ada mereka ditakrif penduduk luar bandar ataupun dalam bandar belum dipastikan. Sebelum sesuatu keadaan yang tidak diinginkan berlaku dan kemajuan negara sama-sama dinikmati sempena dengan Titah Baginda, "hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicicah", saya mengesyorkan sebuah jawatankuasa menyiasat dan bertindak hendaklah ditubuhkan bagi mengkaji ladang-ladang di atas dan di mana-mana ladang yang dipecah di negeri kita ini yang terdiri daripada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, Kementerian Perusahaan Utama, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Wakil Kerajaan Negeri yang mana jawatankuasa tersebut hendaklah menjalankan penyiasatan dan pengkajian dengan seberapa segera yang boleh dengan harapan kemajuan dan pembangunan dapat

disalurkan kepada mereka yang terlibat dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, antara lain, dalam Titah Baginda untuk meningkatkan usaha-usaha pendidikan rohani dan jasmani bersama-sama dalam negara yang dicintai. Saya berharap usaha-usaha pembangunan yang dicadangkan di kawasan-kawasan yang mundur dan pendalaman dapat diteruskan dan tidak dipotong peruntukannya, terutama sekali di kawasan sempadan yang mana terkenal dengan kawasan KESBAN untuk menarik hati rakyat yang sentiasa terdedah dengan anasir-anasir jahat dan komunis dan memajukan ekonomi rakyat yang mundur di luar bandar. Kalau terdapat di dalam bandar ada setinggian-setinggian yang tinggal di tanah-tanah haram tetapi diluar bandar terdapat juga tanah-tanah yang diusahakan oleh rakyat jelata di tanah Kerajaan yang dikehendaki supaya dipercepatkan sukat dan mendapat penentuan hakmilik mereka dengan segera supaya membolehkan mereka menanam semula dan mempertingkatkan sektor ekonomi pertanian mereka. Pembukaan tanah FELDA dan FELCRA hendaklah disegerakan rancangan dan pelaksanaan. Kemudahan-kemudahan jalan raya hendaklah dibina, kemudahan-kemudahan asas seperti air dan api disegerakan, pusat-pusat kesihatan hendaklah didirikan, usaha-usaha pemulihan semula tanah terbiar hendaklah dikendalikan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang ini KEDA/IADP telah memainkan peranan yang baik bagi mengusahakan tanah terbiar dan membangunkan ekonomi kawasan tersebut dan diharapkan usaha-usaha ini dan peruntukan yang dicadangkan kepada badan tersebut dapat diberi dengan seberapa segera dengan tidak

dilengah-lengahkan dan mengikut program yang telah diatur oleh agensi tersebut dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kemelesetan ekonomi dunia yang paling besar menerima akibat dari kemelesetan tersebut sekarang ini adalah penduduk-penduduk di luar bandar yang terdiri daripada pak tani, pekebun-pekebun kecil yang mana ternampak kesusahan dan penderitaan mereka serta pekebun-pekebun kecil yang terdiri daripada 600,000 orang yang mana hidup kais pagi makan pagi malahan pula terjejas kehidupan mereka dimusim hujan yang panjang bukan sahaja harga bahan utama seperti getah, kelapa dan hasil keluaran mereka murah bahkan mereka tidak dapat hendak bekerja dan membuat sesuatu di masa lapang di atas ketidak adanya usaha lain dari menoreh dan mengait kelapa. Maka diharapkan usaha pembelian khas getah yang diamanahkan kepada RISDA untuk dijalankan oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah itu ditambahkan peruntukan dan sentiasa berjalan terus dan Kementerian Perusahaan Utama berusaha bagi mempengaruhi negara-negara pengguna getah antarabangsa bagi memperbaiki harga getah hendaklah diusahakan dengan sesungguhnya yang mana keluaran negara 60% dari sektor pekebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi Dewan yang mulia ini saya berharap royalti yang dibayar oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak beberapa tahun terhadap Kerajaan Negeri Kedah itu hendaklah dikaji semula supaya dinaikkan memandangkan di atas tuntutan dan kehendak semasa dan peredaran keadaan zaman penjajah dan zaman kita merdeka sebanyak \$10,000 setahun adalah tersangat kecil kalau dibandingkan dengan harga kelapa dahulu 2 sen sebiji dan sekarang 40 sen sebiji. Kalau dinisbahkan dengan harga kelapa tersebut eloklah dinaikkan

royalti tersebut kepada \$250.000 sekurang-kurangnya setahun.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi Dewan yang mulia ini diharapkan dengan kebijaksanaan Kerajaan di bawah pemimpin 2M dan dibantu oleh Menteri-menteri Kabinet, khasnya Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, tuntutan rakyat Kedah menerusi Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Karma Jaya Menteri Besar Kedah, Darul-Aman iaitu mengenai sempadan Kedah dan Pulau Pinang dapat diuruskan atau diselesaikan walaupun terpaksa dibuat keputusan dalam Dewan Negeri ataupun Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Baling telah mencatat sejarah bukan sahaja di negara kita bahkan di seluruh dunia mengenai pertemuan Chin Peng dengan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman yang mana kawasan Baling ini juga kawasan pilihanraya yang pertama bagi Perdana Menteri Malaysia kita yang pertama, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, kerana kawasan ini sentiasa terdedah dengan anasir-anasir komunis dan penjahat.

Pada tahun lalu, dua peristiwa yang anih telah berlaku di Baling iaitu khususnya di Legong. Pada pertengahan tahun 1981 seorang ibu telah terkorban kerana sasaran pertempuran komunis dengan askar kita yang mana dalam kejadian tersebut siibu bersama-sama anaknya yang berumur 1 bulan telah ditembak mati ibunya yang dicintai lagi disayangi itu.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa bulan sahaja dari kejadian tersebut satu peristiwa serang hendap oleh segerombolan komunis telah berlaku terhadap Askar Melayu Di Raja yang sedang menjaga dan mengawal di kawasan tersebut yang mana 7 orang Askar Melayu telah terkorban yang mana kedua-kedua kejadian ini adalah diberi nama 'Peristiwa Anih Legong'.

Menerusi Dewan yang mulia ini saya berharap kepada Kementerian Pertahanan dapat menempatkan dan mengadakan sebuah kem Askar Melayu Diraja yang dapat ditempatkan satu batalion askar iaitu bertempat diantara Baling dengan Sik supaya menjamin keselamatan negara dan pembangunan rakyat di sekitarnya.

Tuan Yang di-Pertua, diharap Badan Perundingan Islam yang sedang menjalankan tugas di bawah Jabatan Perdana Menteri dapat menjalankan tugas penyiasatan bagi mengurangkan kegiatan maksiat dan usaha-usaha yang tidak mematuhi peraturan Jabatan Agama Islam di negeri-negeri yang mana berlaku sekarang di semua kegiatan termasuk sama kegiatan-kegiatan perkahwinan pasangan rakyat Malaysia di negara jiran terutama sekali di kawasan sempadan yang mana sekarang ini berleluasa. Antara lain, diharap pelajaran lanjutan, latihan tambahan, kursus-kursus khas kepada kakitangan pentadbiran Agama Islam di semua peringkat hendaklah dipertingkatkan dan diperbanyakkan. Biasiswa-biasiswa yang sedang berjalan di Timur Tengah dan Asia Barat hendaklah dijalankan dan ditambah walaupun 'Pandang ke Timur' sedang berjalan.

Tuan Yang di-Pertua, kepada badan-badan berkanun dan agensi-agensi Kerajaan yang diberi tugas untuk mempertingkatkan ekonomi bumiputra hendaklah dikaji semula dengan serius dan mengadakan program-program dan rancangan-rancangan yang lebih berkesan supaya hasrat Kerajaan bagi tujuan tersebut berhasil pada tahun 1995. Kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, rancangan RPK hendaklah dikaji semula dan ditambah peruntukannya supaya benar-benar menolong orang yang tidak bernasib baik dan tidak berbangkit salah faham kepada penduduk-penduduk di luar bandar.

Sekian sahaja, Wabillahi taufik, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

4.28 petang.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail (Tanjong Karang): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk menyampaikan sedikit suara rakyat, khususnya daripada kawasan Tanjong Karang.

Saya bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain menyokong Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa Pembukaan Parlimen Yang Keenam. Yang paling menarik hati saya ialah Titah Ucapan Baginda yang mengatakan bahawa kita perlu insaf bahawa kekuatan kita selama ini adalah berdasarkan sikap kesederhanaan. Memang inilah asas amalan kehidupan dalam Islam. Nabi Muhammad s.a.w. adalah contoh yang mulia bagi kita mengamalkan sifat kesederhanaan. Kesederhanaan adalah imbangan antara dua extremes ataupun pelampau iaitu sama ada pelampau kanan atau pun pelampau kiri; pelampau kanan iaitu terlalu menyokong, pelampau kiri terlalu membangkang atau menentang. Ianya adalah jalan tengah di mana ramai orang atau majoriti boleh dapat menyesuaikan diri terhadap kesederhanaan yang kita jadikan asas amalan kehidupan kita dan juga amalan cara-cara kita bekerja dan mentadbirkan negara kita yang dikasihi ini.

Saya berasa kesal bahawa pihak Pembangkang masih tidak yakin dan menyoal-nyoal sifat kesederhanaan ini. Ini memanglah tidak menghairankan kita kerana pihak Pembangkang semamangnya golongan

pelampau terlalu membangkang, yang baik pun dibangkang juga.

Satu perkara yang sangat penting bagi rakyat ialah masalah tanah, wujudnya atau tertubuhnya Majlis Tanah Negara adalah suatu yang sangat mengembirakan rakyat dan rakyat menggantungkan nasib, harapan serta masa depan mereka kepada dasar dan sistem yang ditentukan oleh Majlis Tanah Negara bagi menyelesaikan masalah-masalah tanah mereka. Tanah ialah asas ekonomi pertanian dan hakmilik adalah satu-satunya yang terpenting bagi golongan yang menggantungkan nasib kepada tanah dan pertanian. Pengundi-pengundi di kawasan saya khasnya dan beberapa kawasan lain amnya mengalami berbagai-bagai kesulitan mengenai tanah dan hakmilik. Pada keseluruhannya bagi kawasan saya yang telah mendapat hakmilik cuma 40% sahaja, selebihnya hanya memegang sama ada lesen tumpangan sementara atau AA atau mengusahakan tanah secara haram, jadi peneroka-peneroka. Yang memegang LTS atau AA ini pula telah ada di antaranya yang memegangnya hingga duapuluh tahun lamanya. Pada suatu ketika LTS pula dibekukan pembayaran cukainya selama beberapa tahun di antara 5 hingga 7 tahun. Ini sangat menyusahkan rakyat kerana apabila LTS ini dibaharui semula cukai terkumpul tidak mampu dibayar oleh petani-petani itu. Mereka yang memegang LTS dan AA ada yang telah memohon hakmilik belasan tahun tetapi masih belum mendapat apa-apa lagi berita kerana belum diproses.

Di sini saya suka mengesyorkan pihak berkuasa tanah di daerah-daerah menubuhkan Jawatankuasa Bertindak bagi menyelesaikan masalah tanah yang terdiri daripada Pemungut Hasil Tanah sendiri, Wakil-wakil Rakyat Negeri dan juga Parlimen, Penghulu, Ketua-ketua kampung dan Setiausaha-setiausaha

Jawatankuasa Keselamatan Kampung supaya mereka ini sama-sama duduk memikirkan dan membincangkan masalah-masalah ini kerana mengikut penyiasatan dan penyelidikan saya sendiri bahawa kalau masalah tanah ini hendak diselesaikan oleh Pegawai-pegawai Penempatan hendak membuat surat ringkasan tiap-tiap satu lot maka rasa saya sehingga dia pencen pun dia tidak akan dapat menyelesaikan laporan-laporan itu. Oleh kerana itu rasa saya eloklah satu Jawatankuasa Bertindak ini sama-sama dapat membantu pihak di daerah ini agar dapat menyelesaikan masalah-masalah hakmilik tanah kerana kita tahu Kerajaan mencurahkan berjuta-juta ringgit untuk memberi subsidi-subsidi dan bantuan-bantuan kepada mereka yang mengusahakan tanah-tanah ini. Tetapi sekiranya mereka tidak mempunyai hakmilik ke atas tanah itu maka subsidi-subsidi ini tidak akan dapat mereka nikmati.

Yang kedua, iaitu mengenai kilang-kilang haram. Mengikut undang-undang, setiap kilang perlu dilesenkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ataupun Akta Pelesenan Perindustrian 1975 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Sedarkah pihak-pihak yang berkenaan ini bahawa bilangan kilang-kilang haram atau yang tidak dilesenkan ini semakin bertambah?. Saya membawa perkara ini adalah kerana implikasinya. Implikasi yang pertama ialah bahawa pihak yang bertanggungjawab adalah lemah dalam penguatkuasaannya, iaitu kalau di luar bandar pihak yang bertanggungjawab ialah Majlis-majlis Daerah. Nampaknya Majlis-majlis Daerah tidak mampu hendak mengendalikan perkara-perkara yang berlaku seperti ini.

Keduanya ialah kerugian kepada pihak Kerajaan dari segi pembayaran pelesenan mungkin tidak

banyak tetapi ini juga satu implikasi. Boleh dikatakan ada kebaikannya kerana ia memberi peluang pekerjaan kepada mereka yang menganggur terutamanya belia-belia dan beliawanis-beliawanis kita yang ada di luar-luar bandar. Tetapi pada pendapat saya mereka ini sungguhpun diberikan peluang kepada mereka mendapatkan pekerjaan tetapi pekerja-pekerja ini akan teraniaya kerana tidak mendapat faedah-faedah mengikut hak mereka dalam Undang-undang Buruh. Gaji minima tidak diikuti, cuti tahunan dan cuti sakit bergaji tidak ada, faedah dan kemudahan perubatan tidak juga ada, skim gaji yang sempurna jauh sekali dan keadaan tempat kerja tidak selesa dan tidak ada harapan masa depan untuk mereka menjadi pekerja-pekerja mahir. Sikap majikan ini ialah 'hire dan fire' sesuka hati masing-masing.

Satu perkara lagi yang saya anggap penting ialah mengenai pengangkutan iaitu statistik hasil dari banci 1980. Telah hampir dua tahun banci ini dijalankan dan bagi kami yang saya tasa ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat juga yang sering mewakili negara kita di luar-luar negeri yang diminta dikehendaki membuat berbagai-bagai ucapan, kertas-kertas kerja dan sebagainya menghadiri persidangan-persidangan dan seminar-seminar kami masih lagi terpaksa menggunakan perangkaan atau statistik 1970. Masa 12 tahun begitu lama dan perbezaan perangkaan adalah sangat jauh. Kalau kita menggunakan banci atau angka tahun 1970 sebagai base line data rasa saya apa yang kita buat, apa yang kita lakukan adalah satu perancangan yang sia-sia sahaja yang tidak akan dapat hasil yang tepat. Saya di sini ingin mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Pelajaran iaitu seperti yang telah diumumkan oleh salah seorang Timbalan Menteri Pelajaran bahawa

Maktab-maktab Perguruan akan mempunyai Pensyarah Akhlak. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana rasa saya memanglah wajar guru-guru muda ini diberi syarahan-syarahan akhlak supaya mereka ini dapat membimbing murid-murid mereka yang akan menjadi warganegara yang berdisiplin dan bertanggungjawab. Sekiranya guru-guru itu sendiri tidak diberi pengajaran akhlak dan tidak mempunyai akhlak yang tinggi dan tidak berdisiplin, rasa saya pepatah Melayu, yang mengatakan, "Guru kencing berdiri, anak murid kencing berlari," akan berterusan berlaku di negara kita ini.

Mengenai KBSR, saya merasakan bahawa Kementerian Pelajaran memang giat mengadakan persediaan-persediaan sama ada dari segi kursus-kursus persediaan bagi Guru-guru Besar dan juga Guru-guru serta mengadakan alat-alat kemudahan bagi guru-guru ini mengajar di sekolah-sekolah. Tetapi didapati juga rungutan-rungutan ataupun laporan-laporan daripada pihak-pihak guru-guru yang mengatakan bahawa guru-guru dari satu-satu sekolah kadang-kadang yang dikursuskan tidak mencukupi kerana 8 guru dikursuskan, kelas yang akan ada 10 bilangannya. Jadi diharaplah supaya Kementerian Pelajaran benar-benar melihat, meneliti bilangan guru-guru yang perlu dikursuskan supaya dapat kita menjalankan tugas yang baik ini dengan sempurna. Begitu juga alat-alat kemudahan yang disediakan, saya difahamkan bahawa satu sekolah hanya dibekalkan dengan satu set sahaja alat kemudahan ini padahal apa jadi kepada sekolah yang mempunyai 10 kelas, atau 10 darjah tahun satu yang menggunakan kurikulum baru sekolah rendah ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itulah huraian pandangan saya menyampaikan suara-suara rakyat dan saya sekali lagi mengatakan sokongan

atas usul menjunjung kasih kepada titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pontian. Yang Berhormat adalah yang akhir untuk memberi ucapan kemudian saya akan meminta Menteri-menteri menjawab.

4.40 ptg.

Tuan Mokhtaram bin Rabidin (Pontian): Bismillahirrahmanirahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di dalam Dewan yang mulia ini untuk bersama menyokong dan menjunjung kasih Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Baginda bersempena dengan perasmian pembukaan Penggal Pertama Parlimen Keenam pada hari Isnin 11hb Oktober, 1982 yang mana telah menyentuh semua aspek dengan menitik beratkan di dalam bidang-bidang yang tertentu dan penting.

Tuan Tang di-Pertua, syukur saya kehadiran Allah s.w.t. yang negara kita ini sentiasa di dalam keadaan selamat dan aman. Ini ialah kerana adanya semangat wira ahli-ahli angkatan bersenjata negara kita termasuklah ahli-ahli Polis Diraja Malaysia yang terdiri daripada berbagai-bagai unit walaupun bilangan mereka masih belum mencukupi sebagaimana yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada anggota Polis Diraja Malaysia khususnya anggota Polis Diraja Johor Bahru dan Pontian yang telah dapat menyerkap tujuh orang perompak bersenjata serta merampas senjata-senjata mereka yang terdiri daripada 8 pucuk pistol dan beratus-ratus peluru hidup pada pertengahan bulan Ogos yang lalu bertempat di Parit Serong, Rambah, Pontian walaupun kejar-mengejar dan

tembak-menembak berlaku sepanjang kira-kira 15 kilometer tetapi pihak anggota polis dan orang-orang awam tidak mendapat apa-apa kemalangan sedangkan perompak itu seorang telah mati dan tiga orang cedera parah.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun begitu keselamatan nelayan-nelayan di Selat Melaka di kawasan Pontian masih kerap diganggu oleh lanun-lanun dan juga anasir-anasir pengacau yang lain. Demikian juga dengan adanya pukuk-pukuk tunda haram yakni yang tidak berlesen yang menjadikan nelayan halal yakni yang berlesen mendapat kurang penangkapan ikan. Dapatlah apa kiranya pihak Polis dan juga ajensi-ajensi yang lain yang berkenaan mengadakan rondaan dan kawalan yang lebih ketat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu dengan adanya kapal-kapal besar yang berlabuh di Tanjung Piai sementara kapal-kapal itu menunggu masuk ke pelabuhan jiran kita iaitu Singapura adalah menjadi gangguan dan kadang-kadang merosakkan alat-alat penangkapan ikan nelayan-nelayan kecil setempat. Dengan itu diharapkan pihak yang berkenaan mengambil perhatian dengan serius akan perkara yang demikian itu.

Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan bahawa anak-anak bangsa kita yang ada pada masa sekarang ini adalah akan menjadi harta negara yang tidak ternilai harganya pada masa akan datang. Oleh yang demikian pelaburan dan pengawasan serta pengawalan terhadap mereka adalah sangat penting dan mesti diberi keutamaan. Untuk tujuan yang tersebut syukur alhamdulillah sejak Dasar Pelajaran Kebangsaan negara kita mula dilaksanakan dalam tahun 1956 yang berasaskan kepada Laporan Razak dan Laporan Rahman Talib dan dikuatkuasakan dengan akta-akta serta peraturan-peraturan yang

berkaitan dengannya maka kemajuan pelajaran dan pendidikan yang diberikan kepada anak-anak bangsa kita amat ketara sekali pesatnya dari segi bidang kemajuannya terutama sekali dalam soal untuk menuju ke arah kejayaan perpaduan rakyat yang berbilang bangsa yang masing-masing mempunyai latar belakang kebudayaan dan kepercayaan agama yang berlainan.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi di dalam hal perlaksanaannya sama ada yang berbentuk fizikal ataupun iktisas patutlah dibuat kajian yang teliti dan perancangan yang berhati-hati. Sebagai contoh, dalam bidang kaedah-kaedah mengajar serta pembelajaran pada masa yang lalu nampaknya kita banyak benar yang main cuba-cuba dan tiru-tiru sahaja dengan tidak mengkaji dengan secara yang mendalam. Umpamanya, dalam pengajaran bahasa kita khususnya dalam pelajaran ejaan. Yang saya teringat pada masa sebelum Perang Dunia Kedua dahulu kaedah mengajar ejaan dalam bahasa kita, bahasa Malaysia ini adalah mengikut kaedah suku-kata kerana bahasa kita mempunyai ejaan yang sangat bersistematik. Tetapi selepas Perang Dunia Kedua oleh sebab sudah ramai pegawai-pegawai pelajaran kita yang telah mendapat kelulusan dari barat maka kaedah mengajar ejaan telah ditukar kepada beberapa cara yang berlainan. Umpamanya dengan menggunakan cara keseluruhan (global method) dan dengan menggunakan berbagai-bagai alat mengajar termasuklah kad-kad imbasan (flash cards) dan lain-lain mengikut kaedah pengajaran dan ejaan bahasa Inggeris yang pada pendapat saya sistem ejaan dalam bahasa Inggeris itu kurang bersistem kalau dibandingkan dengan pelajaran bahasa Malaysia. Dan kesannya murid-murid lambat dapat mengeja dan membaca oleh kerana terlalu pakai imbas-imbasan maka perkataan 'selekeh merbahaya' kadang-kadang

dibaca oleh murid-murid dengan perkataan 'sekolah merbahaya'. Tetapi alhamdulillah, sekali lagi saya mengucapkan syukur kehadiran Allah s.w.t. dengan adanya rancangan K.B.S.R. atau 3M maka kaedah cara mengajar suku kata ini telah mula dititikberatkan semula dan diharapkan maka kesan yang didapati oleh murid-murid dalam pembelajaran dalam bahasa kita ini akan makin bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, dari segi fizikal pula pembinaan sekolah secara package deal yang mula dijalankan dalam tahun 1980 untuk mengatasi kekurangan bangunan sekolah-sekolah nampaknya kurang memberi kesan. Sebagai contoh 43 buah projek di negeri Johor yang dilaksanakan secara package deal yang diserahkan pada satu badan perunding hingga sekarang satu projek pun belum berjalan lagi hingga bangunan-bangunan lama telah roboh dan murid-murid belajar menumpang di balai-balairaya dan lain-lainnya tempat sedangkan binaan yang dibuat dengan cara lama iaitu dilaksanakan oleh JKR daripada 156 projek dalam negeri Johor itu, 30 telah siap, 85 dalam pelaksanaan dan selebihnya di dalam proses untuk diiklan. Oleh yang demikian diharap pihak yang berkenaan bahawa pelaksanaan pembinaan secara package deal itu patut dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, kita selalu mendengar dan mendapat tahu ada pelajar-pelajar kita di seberang laut yang mencerca Dasar Kerajaan dan negara kita. Ini berlaku kerana kurang maklumat tentang negara kita dan juga mereka terdedah dengan cara penghidupan di mana mereka sedang belajar. Untuk menghapuskan ataupun sekurang-kurangnya mengurangkan perkara demikian diharapkan pejabat Suruhanjaya Tinggi ataupun Kedutaan kita di seberang laut itu hendaklah diberi risalah-

risalah berkenaan dengan keadaan semasa di negara kita dan diedarkan kepada pelajar-pelajar kita sama ada menerusi persatuan-persatuan atau badan-badan pelajaran atau terus kepada peribadi perseorangan pelajar-pelajar itu.

Tuan Yang di-Pertua, tanah adalah harta yang sangat berguna dan mustahak, oleh itu sedapat-dapatnya tanah dinegara kita ini adalah dimiliki oleh warganegara kita sendiri. Dengan melonggarkan sedikit dengan syarat-syarat tertentu memberi peluang kepada warganegara asing serta syarikat-syarikat asing memilikinya demi kepentingan ekonomi negara kita. Oleh itu diharap dalam kajian semula Kanun Tanah Negara yang sedang dalam proses sekarang ini dapat meminda Seksyen 43 (a) kepada yang lebih sesuai lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucap syukur sekali lagi kerana kawasan yang saya wakili iaitu kawasan Pontian adalah termasuk di dalam kawasan Perancangan Pertanian Johor Barat yang sebanyak sedikit nikmatnya telah dapat dikecapi oleh rakyat setempat tetapi masih ada beberapa banyak perkara-pekerja yang belum dapat diatasi terutama seperti api elektrik, paip air dan lain-lain. Jadi diharap kepada pihak-pihak yang berkenaan dapat memerhatikan perkara yang demikian.

Satu perkara yang sangat mendesak ialah kepada petani-petani yang menanam kelapa. Di dalam kawasan Johor Barat ada kiranya 40,000 ekar tanah yang ditanam kelapa oleh petani-petani kecil di sana. Jadi, diharapkan kepada pihak Kementerian Pertanian mengambil perhatian yang berat untuk membantu kepada petani-petani yang tersebut dengan apa cara sekalipun kerana sebagaimana yang kita ketahui bahawa nasib kepada penanam-penanam kelapa pada masa yang akan

datang adalah sangat gelap ataupun kalau tidak gelap sangat kabur.

Jadi sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya bersama menyokong dan menjunjung kasih terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah memberi Titah Ucapan dalam pembukaan Parlimen pada kali ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam untuk menjawab.

4.52 ptg.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan dan pandangan terhadap perkara-perkara tertentu di bawah Kementerian saya ketika membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini.

Saya telah mengambil perhatian tentang cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu dan sekiranya didapati sesuai akan dilaksanakan atau dijadikan panduan untuk meninggikan lagi perkhidmatan yang diadakan oleh Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam sentiasa berusaha menjalankan tugas-tugasnya menurut konsep Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memberi perkhidmatan yang bersih, cekap dan beramanah. Segala projek-projek yang ada di bawah naungan Kementerian ini adalah dilaksanakan berpandukan kepada konsep itu dan Kementerian saya akan terus berusaha untuk melaksanakan projek kemudahan-kemudahan awam ter-

utama sekali dalam bidang infrastruktur. Kementerian saya juga akan berusaha untuk mempercepat lagi pelaksanaan projek-projek pembangunan seperti mana yang dijanjikan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang telah diberi mandat yang besar oleh rakyat dalam Pilihanraya Umum pada April, 1982 yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, semasa perbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah menyatakan bahawa saya tidak layak duduk di dalam Kabinet. Yang kedua, saya telah menipu seorang dalam satu kes tanah. Yang ketiga, walaupun beliau tidak ucapkan dalam Dewan ini tetapi beliau telah dikeluarkan dalam satu laporan iaitu saya telah mengelak daripada membayar cukai setem. Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mempunyai dua aspek iaitu aspek yang sah (legal) dan aspek yang tidak sah (illegal). Apa yang telah saya lakukan adalah perbuatan yang benar-benar sah. Sebaliknya, apa yang telah dilakukan oleh.....

Tuan Karpal Singh: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua: Apakah tertib mesyuarat itu?

Tuan Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan ucapan saya.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebutkan tertib mesyuarat.

Tuan Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam tidak boleh menjawab perkara-perkara

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebutkan tertib-tertib mesyuarat.

Tuan Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, 14 (i).

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jikalau Ahli Yang Berhormat itu tidak tahu Standing Order, saya minta lebih baik dia duduk.

Tuan Karpal Singh: Saya tahu.

Dato' S. Samy Vellu: Yang Berhormat tidak tahu.

Tuan Karpal Singh: Yang Berhormat tahu tipu.

Dato' S. Samy Vellu: Kalau tahu, cakaplah.

Tuan Karpal Singh: Standing Order 14 (i). Don't get excited.

Dato' S. Samy Vellu: You are a lawyer, you don't even know the Standing Orders. Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Tuan Karpal Singh: Standing Orders 14.....

Dato'S. Samy Vellu: Seorang peguam tidak tahu Standing Orders.

Timbalan Yang di-Pertua: 14.....

Tuan Karpal Singh: 14 (i).

Timbalan Yang di-Pertua: Penerangan daripada.....

Tuan Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan 14 (i).

Timbalan Yang di-Pertua: Menurut Peraturan Mesyuarat 14 (i) iaitu penerangan daripada Menteri-menteri.

Tuan Karpal Singh: Ya, Menteri-menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: Pada pendapat saya pada masa sekarang tidaklah perlu untuk Menteri memberi penjelasan.....

Tuan Karpal Singh: Bukan-saya hendak beri penjelasan atas.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sambung.

Dato' S. Samy Vellu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang telah saya lakukan, Tuan Yang di-Pertua, saya ulang balik adalah perbuatan benar-benar sah. Sebaliknya apa yang telah dilakukan dan sedang dilakukan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu bukan sahaja tidak sah (illegal) bahkan telah menyalahgunakan kedudukannya sebagai Ahli Parlimen dan juga sebagai ahli Bar Council dan peguam-peguam saya ulang balik.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini saya telah membeli sekeping tanah daripada Sangily @ Karuppiyah a/l Veeran. Saya telah menjelaskan segala bayaran kepadanya mengikut harga jualan dan saya mempunyai bukti mengenainya. Seterusnya hakmilik tanah tersebut telah dipindah milik kepada saya dan didaftarkan di bawah nama saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa kesal kerana Ahli Yang Berhormat dari Jelutong perlu diberitahu dari hal undang-undang tanah. Sebagai seorang peguam jenayah (criminal lawyer), saya rasa beliau tidak mempunyai pengetahuan yang luas dalam undang-undang Sivil. Mengikut Seksyen 340 Kanun Tanah Negara, Tuan Yang di-Pertua, hakmilik untuk tanah yang saya perolehi itu adalah hakmilik yang tiada boleh disangkal (indefeasible) melainkan jika Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dapat.....

Tuan Karpal Singh: Untuk penjelasan.

Dato' S. Samy Vellu: Saya tidak beri jalan.

Tuan Karpal Singh: Tidak berani.

Dato' S. Samy Vellu: Bukan tidak berani.....

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat (*kepada Tuan Karpal Singh*).

Tuan Karpal Singh: Kalau berani, beri penjelasan!.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk, kerana Yang Berhormat sedang bercakap tidak beri kebenaran untuk penjelasan.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, he is misleading the House.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk!.

Tuan Karpal Singh: Give me a chance.

Dato' S. Samy Vellu: Saya tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Tuan Karpal Singh: Tidak beri, kerana takut?.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk!.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong sudah main politik dalam Dewan ini. Hari ini saya panggil dia coward, tidak mahu dengar apa jawapan saya. Tidak berani.....

Tuan Karpal Singh: Go and repeat it outside, then you will know.

Dato' S. Samy Vellu: I am daring you now you are a coward.

Tuan Karpal Singh: I will repeat outside.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Tuan Karpal Singh: Yes, I will repeat everything outside.

Dato' S. Samy Vellu: Okay, you repeat than I am cheat; I will repeat you are a coward.

Tuan Karpal Singh: No.....
(*Disampuk*).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk.!

Dato' K. Pathmanaban: (*Bangun*)

Tuan Karpal Singh: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan pun ada campur tangan dalam perkara ini (*Ketawa*). Mahu keterangan?. Saya boleh beri keterangan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong....

Dato' S. Samy Vellu: Saya tidak beri tempat.

Tuan Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk! Yang Berhormat dari Jelutong, saya ingin memberi amaran kepada Yang Berhormat, pada masa yang akan datang, sila behave yourself. Terima kasih (*Tepuk*).

Tuan Karpal Singh: I would not let the law to be flouted. That is my stand.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini amaran yang akhir, Yang Berhormat.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya faham jika.....

Tuan Sim Kwang Yang: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa tertib Mesyuarat itu?.

Tuan Sim Kwang Yang: Standing Order 25 reads:

“With the leave of Tuan Yang di-Pertua, a member may make a personal explanation....

Timbalan Yang di-Pertua: Standing Order berapa?.

Tuan Sim Kwang Yang: Standing Order 25.

Dato' K. Pathmanaban: Peraturan Mesyuarat 25 tidak ada kena mengena. Itu ialah mengenai “Personal explanation”.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, before you make a ruling nobody else should speak on this point of order. Standing Order 25 reads:

“With the leave of Tuan Yang di-Pertua, a member may make a personal explanation at the time appointed under Standing Order 14 although there is no question before the House; but no controversial matter may be brought forward nor may debate arise upon the explanation. The terms of the proposed statement shall be submitted a least two hours before the commencement of the sitting in full to Tuan Yang di-Pertua when his leave to make it is sought”.

So it refers to Standing Order 14, Tuan Yang di-Pertua. Under Standing Order 14 there is provision for further explanation under (1).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, oleh kerana Yang Berhormat Menteri sedang memberi jawapan kepada Usul yang diadakan sekarang, Peraturan Mesyuarat 25 tidak diapply kepada apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Sila Jawab.

Dato' S. Samy Vellu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, urusan jualbeli untuk tanah tersebut adalah sah tanpa sebarang perbuatan tipu helah. Saya faham Ahli Yang Berhormat dari Jelutong adalah seorang peguam. Beliau telah mengemukakan dua tindakan, tindakan mahkamah bersabit dengan kes tanah itu. Dengan izin, Tuan Speaker, a private summons dan satu lagi ialah civil suit. Di dalam kedua-

dua tindakan mahkamah itu Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah tidak berani membangkitkan isu hakmilik tanah tersebut.

Tuan Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Jikalau berani....

Dato' S. Samy Vellu: Saya tidak beri penjelasan kepada orang yang main politik dalam Dewan ini.

Tuan Karpal Singh: Tidak berani..

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk.

Tuan Karpal Singh: Jikalau berani, mari keluar.

Dato' S. Samy Vellu: Saya berani, sebab itu saya keluar dari hospital. *(Tepuk)* Saya berani!

Tuan Karpal Singh: Takut, masuk hospital.

Dato' S. Samy Vellu: Berani, berani lawan, bila-bila pun boleh.

Tuan Karpal Singh: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup, Yang Berhormat.

Dato' S. Samy Vellu: Kita boleh keluar. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu memberi jalan.

Tuan Karpal Singh: I will repeat outside, Samy Vellu, tomorrow morning!

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya minta dia minta maaf, sebab dia guna nama saya. Saya tidak guna nama dia mengikut aturan. Saya minta dia minta maaf.

Tuan Karpal Singh: Apa minta maaf? *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua: *(Kepada Dato' S. Samy Vellu)* Yang Berhormat, sila sambung!

Tuan Karpal Singh: Saya tidak mahu minta maaf.

Dato' S. Samy Vellu: Tidak boleh tahanlah! *(Ketawa)*

Tuan Karpal Singh: Tidak apa.

Dato' S. Samy Vellu: Sedikit dengarlah.

Tuan Karpal Singh: Masuk dalam Pudu.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya minta tindakan atas perkara itu-“masuk dalam Pudu”.

Tuan Karpal Singh: Yes, I will repeat it outside.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, saya harap Yang Berhormat menarik balik perkataan itu *(Tepuk)*.

Tuan Karpal Singh: Jikalau didapati salah, masuk dalam Pudu. Bukan tarik balik.

Dato' S. Samy Vellu: Tidak takut!

Tuan Karpal Singh: Jikalau tidak takut....

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 37, “Seseorang Ahli tidak boleh mengganggu ahli yang sedang bercakap” dan saya cadangkan bahawa Tuan Yang di-Pertua mengambil tindakan di bawah Peraturan Mesyuarat 42.

Tuan Karpal Singh: *(Bangun)* *(Disampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua: Tertib Mesyuarat, on a point of order.

Dato' K. Pathmanaban: Saya cadang, Tuan Yang di-Pertua bahawa Tuan Yang di-Pertua mengambil tindakan. Tuan Yang di-Pertua telah beri amaran yang terakhir tadi dan beberapa ruling di atas tindak-tanduk

Yang Berhormat dalam Dewan ini dan saya bercadang, kerana maruah Dewan ini sudah dijejas, bahawa sudah sampai masanya untuk tindakan di bawah Peraturan Mesyuarat 42 diambil ke atas Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

Tuan Lim Kit Sing: On a point of order. Saya ingin mendapat tahu sama ada Yang Berhormat Menteri ada bercakap di sini atas tugasnya sebagai Menteri atau kelakuannya sebagai personal. Adakah beli tanah, jual tanah....

Dato' S. Samy Vellu: Saya beri penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habis. Saya tanya itu; adakah beli dan jual tanah sebagai Menteri atau sebagai personal?

Dato' S. Samy Vellu: Saya sudah beri penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk.!

Tuan Lim Kit Siang: Ya, dia sebagai Menteri atau sebagai seorang personal.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk dahulu. Ini tertib Mesyuarat. Saya sebagai Speaker belum beri kebenaran kepada Yang Berhormat untuk berucap.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya sudah dengar, dia boleh jawab. Kalau dia takut, dia tidak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat Menteri telah memberi jawapan bahawa dia tidak membenarkan Yang Berhormat meminta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya harap dia boleh jawab, tadi saya tanya.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab atau terus berucap?

Timbalan Yang di-Pertua: Terus berucap.

Dato' S. Samy Vellu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Malahan tidak ada apa-apa tindakan diambil untuk mencabar soal hakmilik tanah tersebut yang dipunyai oleh saya iaitu Dato' S. Samy Vellu a/l Sanglimuthu (*Ketawa*). Dalam perkara ini, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong menyatakan bahawa tindakan tersebut tidak dilakukan kerana pihaknya masih belum memperolehi surat kuasa — (*Boleh saya mendapat sedikit air*) — atau Letter of Administration. Suka saya.....

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebutkan tertib mesyuarat itu.

Tuan Lim Kit Siang: Seorang yang bercakap mesti address kepada Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua tahu. Tak payah saya sebut, tadi dia cakap dengan ushers. Itu salah mengikut Standing Order (*Disampuk*).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, oleh kerana Yang Berhormat Menteri sakit.....

Tuan Lim Kit Siang: Ya, dia perlu minta kepada Tuan Yang di-Pertua dahulu — hendaklah address kepada Speaker. Itu point of order, saya tak perlu untuk sebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk! oleh kerana itu, sebab kesihatan, saya boleh maafkan Yang Berhormat Menteri. (*Tepuk*) Sila teruskan.

Dato' S. Samy Vellu: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, I am asthmatic case. Tuan Yang di-Pertua, saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa hanya peguam yang tidak mengetahui Undang-undang Sivill sahaja akan membangkitkan alasan yang sungguh lemah itu. Pelanggannya yang dilakukan seperti seorang penghuni boleh mengambil tindakan undang-undang yang lain. Benar, ia mempunyai peluang untuk mencabar hakmilik tanah itu, akan tetapi tindakan ini tidak dilakukan oleh kerana ianya pasti akan gagal. Dengan kesedaran bahawa beliau tidak mempunyai apa-apa asas atas kes yang sah, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah menyalahgunakan kedudukan sebagai Ahli Parlimen dengan membangkitkan isu tanah tersebut di Dewan yang mulia ini. Saya percaya tujuan beliau ialah semata-mata untuk menjatuhkan maruah saya dengan tujuan mendapatkan wang untuk pelanggannya (*Tepuk*).

Kelakuan ini adalah satu perbuatan yang keji dan menghinakan yang tidak sepadan dengan kedudukan beliau sebagai seorang Ahli Dewan yang mulia ini (*Tepuk*). Oleh itu adalah jelas bahawa penipuan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu tidak timbul sama sekali, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, penipuan itu adalah semata-mata daripada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong yang telah menyalahgunakan kedudukannya sebagai seorang Ahli Parlimen (*Tepuk*).

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah juga menyatakan bahawa saya telah menipu dalam pembayaran cukai setem dari pembelian tanah itu. Ahli Yang Berhormat telah membuat tuduhan itu tanpa mengetahui sistem penilaian dan bayaran cukai setem di negara ini. Untuk pengetahuan beliau, Tuan Yang di-Pertua, saya bukan

seorang yang tidak ada kelayakan atau pelajaran. Saya seorang arkitek, dengan izin, registered under the Architect Registration Council of United Kingdom dan Pertubuhan Arkitek Malaysia, approved by Her Majesty Queen Elizabeth (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Penilaian iaitu Kementerian Kewangan telah mengenakan bayaran cukai setem sebanyak \$1,620.00 iaitu.....

Tuan Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Beri jalan atau tidak?

Dato' S. Samy Vellu: Saya tak ada beri jalan kepada seorang yang tak mengikut undang-undang (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, sila duduk.

Tuan Karpal Singh: Semua dokumen-dokumen ada di sini.

Timbalan Yang di-Pertua: Mengikut tertib Mesyuarat, sila duduk.

Tuan Karpal Singh: Tak berani?

Dato' S. Samy Vellu: Saya akan tunjuk kepada Ahli Yang Berhormat, saya seorang anak lelaki atau dia sedikit hari lagi masa hadapan (*Ketawa*). Marilah kita tunggu, jangan lari. You tak boleh lari. Tuan Yang di-Pertua, jika Ahli Yang Berhormat jadi harimau dalam Dewan ini, saya singa (*Ketawa*). Sebab kita berdua-dua.....

Tuan Karpal Singh: Untuk penjelasan.

Dato' S. Samy Vellu: Saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri tidak beri jalan.

Tuan Karpal Singh: Saya ikut undang-undang.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak takut kepada Ahli Yang Berhormat, sebab warna yang serupa (*Ketawa*), darah yang serupa, berani pun yang serupa (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, nilai harga tanah sebanyak \$131,000 dikenakan oleh Kementerian Kewangan walaupun saya telah membeli tanah itu untuk harga \$100,513.65. Saya ada butir-butir dan resit-resit dan semua keterangan di atas bayaran ini.

Tuan Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, saya beri keterangan yang.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri beri jalan?

Dato' S. Samy Vellu: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, sila duduk!

Dato' S. samy Vellu: Saya tidak beri jalan kepada orang macam itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Karpal Singh: Tidak berani.

Dato' S. Samy Vellu: Saya berani—banyak berani. Samy Vellu a/l Sanglimuthu (*Ketawa*). You pergi main sama orang lain.

Cukai setem ini telahpun di bayar, Tuan Yang di-Pertua, dan dengan itu tuduhan oleh Ahli yang Berhormat dari Jelutong itu adalah tidak berasas.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa anak-anak lelaki penjual itu bernama Encik Periasamy dan juga Encik Veeran pada 28hb Mac, 1982 telah melawat Pejabat Peguam, kami berdua-dua pihak jadi joint lawyers satu solicitor untuk kedua-dua parti, sebab semasa itu kita kawan, sebelum kenal Ahli Yang Berhormat dari Jelutong (*Ketawa*). Dan mereka telah menyemak segala akaun mengenai penjualan tanah itu

dan telah bersetuju baki bayaran sebanyak \$12,623.65 boleh dibayar oleh peguam itu dalam satu Akaun Simpanan Tetap. Semua butir-butir adalah dalam simpanan saya dan boleh diberikan oleh.....

Tuan Karpal Singh: Saya minta jalan.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya tak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, sila duduk. Apabila Ahli Yang Berhormat diberi peluang berucap pada beberapa hari dahulu tidak ada seorangpun mengganggu ucapan Ahli Yang Berhormat. Itu menurut tertib mesyuarat, bukan macam cara Ahli Yang Berhormat yang digunakan sekarang oleh kerana itu.....

Tuan Karpal Singh: Saya ada bukti yang cukup di sini.

Timbalan Yang di-Pertua: Bukti itu perkara lain Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, sila duduk!

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya amat dukacita atas, dengan izin, on the behaviour of the Ahli Yang Berhormat. With all the respect of law for the House, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Karpal Singh: Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ini kuasa ada.....

Dato' S. Samy Vellu: Janganlah jadi liar, Yang Berhormat (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sila duduk! Yang Berhormat Menteri tidak beri jalan.

Tuan Karpal Singh: Dia tidak berani.

Dato' S. Samy Vellu: Dia sudah habis dia punya chance.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tadi kita dengar ada harimau, ada singa, jangan datang lagi binatang liar yang lain (*Ketawa*).

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya atas sistem Parliamentary Democracy dan sistem demokrasi. Bila Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini suka menuduhkan kepada saya sebagai Menteri saya dengar, saya sabar, saya tidak keluarkan dalam suratkhbar sebab dengan tanggungjawab. Ini bukan negara dipegang oleh komunis, ini negara demokratik, bila kita tuduh kepada orang mestilah diadakan natural justice dan beri peluang kepada beliau untuk menjawab. (*Tepuk*) Atas nama undang-undang saya minta daripada Yang Berhormat dari Jelutong jikalau beliau respect undang-undang dalam negeri ini, berilah peluang kepada orang, chance Yang Berhormat sudah habis (*Ketawa*).

Sebab apa saya jawab, Tuan Yang di-Pertua? Dalam semua tuduhan Yang Berhormat suka memberi proof, saya sebagai Menteri Kerjaraya bertanggungjawab untuk membelanjakan berjuta-juta ringgit, tetapi tidak ada layanan, itulah tujuannya, saya tahu, sebab itu dalam perbincangan Menteri-menteri mesti jawab, oleh itu juga saya jawab.

Tuan Yang di-Pertua, setelah menyelesaikan semua perkara ini, saya tidak faham, apakah tujuan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong membangkitkan perkara ini dalam Dewan ini. Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ialah seorang peguam dengan nama besar, ramai orang di luar mengatakan mereka takut kerana dia 'harimau' tetapi mengapa tidak mahu ambil orang biasa Samy Vellu pergi ke mahkamah, ambillah—mari kita jumpa dalam mahkamah.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, on a point of order.

Dato' S. Samy Vellu: Kalau tidak berani.....

Timbalan Yang di-Pertua: Sebutkan nombor peraturan mesyuarat.

Tuan Karpal Singh: Menurut apa yang.....

Timbalan Yang di-Pertua: Sebutkan nombor, itu tertib mesyuarat, jangan main.

Dato' Samy Vellu: Saya tidak benarkan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Irrelevant!

Tuan Karpal Singh: 30 (1).

Timbalan Yang di-Pertua: 30?

Tuan Karpal Singh: 36, sorry!

Tuan Yang di-Pertua: Seksyen apa itu?

Tuan Karpal Singh: 36 (1).

"36 (1) Seorang Ahli hendaklah mengadakan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu".

Timbalan Yang di-pertua: Yang Berhormat, sila duduk! Yang Berhormat, pada pendapat saya isi-isi ucapan Yang Berhormat Menteri tidak salah pada Peraturan Mesyuarat, oleh kerana selalu menghadapi gangguan daripada Yang Berhormat, nampaknya ucapannya sudah kelam-kabut sedikit (*Ketawa*). Itu sahaja. Sila teruskan!

Dato' S. Samy Vellu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tidak berhak untuk menyoal tentang kedudukan saya di Kabinet. Jawatan Kabinet yang

saya pegang adalah hasil daripada usaha yang gigih dan kepercayaan yang telah saya perolehi dari rakyat dan juga pemimpin besar negara ini yang saya hormati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Usaha-usaha dalam kawasan pilihanraya saya telah dibuktikan daripada keputusan pilihanraya yang mana pada mulanya saya telah mengalahkan DAP dengan 525 undi — tidak lari dari kawasan itu; kali yang kedua, 5,520 undi, jadi saya mendapat lebih kepercayaan daripada rakyat; kali yang ketiga dalam tahun 1982, saya mendapat kelebihan undi 7,900 (*Tepuk*). Jadi sudah tentulah, rakyat biasa dan rakyat jelata mempunyai kepercayaan atas Dato' Samy Vellu a/l Sangilimuthu (*Ketawa*): Cuba Ahli Yang Berhormat dari Jelutong lihat kelakuannya sendiri di Dewan yang mulia ini. Pada pandangan saya kelakuannya yang telah begitu jelas menunjukkan peranannya yang tidak sopan dan tidak berdisiplin (*Tepuk*). Saya ulang balik, tidak berdisiplin, sebab kita sudah nampak baru sebentar tadi peristiwa sehingga sanggup melanggar peaturan dan arahan Tuan Speaker di Dewan ini beberapa kali.

Perkara yang berkaitan dengan penyelesaian terhadap hakmilik tanah merupakan urusan sebuah mahkamah yang menyelesaikannya. Seorang penuntut tahun pertama dalam pengkajian ilmu undang-undang pun tahu Perlembagaan, tetapi saya dukacitalah Yang Berhormat dari Jelutong tidak tahu perkara ini (*Tepuk*). Perkara-perkara sedemikian tidak seharusnya digunakan sebagai alasan untuk mewujudkan huru-hara di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, kerana saya mahu jawab dengan penuh kepada Ahli Yang Berhormat, kawan baik saya; kita tidak pernah gaduh dalam 6 tahun — kita berdua-dua dalam Parlimen ini. Saya memberi banyak penghormatan kepadanya di

luar, tetapi di dalam — patutlah betul apa yang dituduh kepada saya, saya patut jawab, kerana saya seorang manusia.

Mengenai tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong segala sangkaan beliau telah mencipta satu sensesi akhbar dari hal tanah tersebut, akan tetapi apa yang beliau lakukan di akbar hanya melahirkan suasana yang menjijikkan. Saya tidak ingin berucap dengan panjang dan lebar, Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara ini, akan tetapi saya suka mengatakan bahawa saya menaruh kepercayaan penuh kepada mahkamah dan kuasa kehakiman di negara ini untuk mengendalikan perkara ini dengan adil dan saksama.

Akhir sekali, saya ingin menyatakan, saya dilahirkan pada 8hb Mac, 1936 di Keluang, Johor, saya anak Johor, sampai sekarang tidak ada kes atas nama Samy Vellu di atas perkara menipu atau apa-apa. Saya dilahirkan di tanahair ini, saya menjalankan kuasa mengikut undang-undang di atas tanahair ini, saya harap insya Allah saya mati di tanahair ini, itu sahaja (*Tepuk*).

Sebagai penutup, Tuan Yang di-Pertua, saya minta Tuhan, alhamdulillah maafkan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dan saya suka menekankan satu perkara yang penting, iaitu saya telah menjadi Ahli Dewan yang mulia ini semenjak tahun 1974 lagi, dalam masa itu saya tidak pernah berkelakuan buruk atau menyalahgunakan kedudukan saya sebagai Ahli Dewan Rakyat. Sepanjang tempoh perlantikan saya sebagai Ahli Dewan Rakyat, saya tidak pernah disingkir daripada Dewan yang mulia ini (*Tepuk*), akan tetapi minta maaf, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu seluruh negara telah mengetahui tentang kelakuan buruknya, iaitu dengan izin, Tuan Speaker, a very unruly

behaviour, bukan saya kata. Inilah tentang apa yang saya baca dalam paper dan.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: On a point of Order?

Dr Tan Seng Giaw: On a point of Order. Standing Order 36 (9), "Dalam apa-apa perbahasan, tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat siapa-siapa ahli-ahli Parlimen atau siapa-siapa pegawai Kerajaan selain daripada kelakuan pada menjalankan urusan sebagai ahli Parlimen atau pegawai Kerajaan".

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, walaupun Yang Berhormat Menteri ada sebut kelakuan Yang Berhormat yang berkenaan tetapi dalam konteks itu kita boleh terima.

Dato' S. Samy Vellu: Bukan saja di Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, bahkan di Persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang mana Yang Berhormat telah membawa saya roket atas ahli yang lain dan tahu jugalah suspension daripada Dewan. Ini ada di dalam rekod.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Saya harap seribu tahun yang akan datang Ahli Yang Berhormat yang nama sudah cipta dalam sejarah negara ini.....

Tuan Karpal Singh: Minta penjelasan, Tuan Speaker.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Speaker, saya tak beri tempat.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan!

Dato' S. Samy Vellu: Beribu-ribu tahun dalam sejarah ini, saya harap perkara yang berlaku di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ini ada di dalam rekod. Saya minta juga Ahli-

ahli Yang Berhormat boleh juga ambil perhatian apa yang berlaku. Walau bagaimanapun, untuk menutup ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah terima cabaran daripada Ahli Yang Berhormat. Saya akan jumpa Ahli Yang Berhormat di Mahkamah Tinggikah, jikalau boleh di Privy Council jikalau Kerajaan boleh beri saya kebenaran. Saya tak ada takut, sebab saya bukan menjadi Menteri, sebab saya orang kaya, saya bekerja dari bawah saya naik, bukan saya dapat tolong daripada Ahli Yang Berhormat. Ini hak sendiri.

Tuan Karpal Singh: Minta jalan. Mengenai cabaran ke Privy Council atau mahkamah...

Dato' S. Samy Vellu: Saya tak beri!

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, sila duduk! Cabarannya berjumpa di dalam mahkamah (*Ketawa*).

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya suka ucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberi kepada saya. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi beberapa pandangan atas Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, sukalah saya memberitahu, Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam ialah satu Kementerian yang bersih, cekap dan amanah dan memberi seorang Menteri dengan kebolehan yang boleh menjaga kepentingan rakyat dan negara ini. (*Tepuk*).

5.35 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang melibatkan Kementerian saya secara langsung atau tidak.

Beralih kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu yang menyentuh mengenai teknologi-teknologi yang diimport dari luar negeri dan menyaranakan bahawa sejauh mana yang boleh teknologi tempatan hendaklah digalakkan supaya negara kita tidak bergantung semata-mata kepada teknologi dari luar. Berhubung dengan masalah ini, Kementerian saya sedang mengkaji perkara ini dan telahpun menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk menentukan keperluan teknologi sektor perindustrian dan peranan pemindahan teknologi yang dimainkan dalam proses penubuhan sektor perindustrian. Kajian ini dijalankan ke atas dua jenis pemindahan teknologi, iaitu pemindahan teknologi asing dan juga pemindahan teknologi tempatan.

Adalah menjadi matlamat Jawatankuasa ini untuk mewujudkan satu dasar Pemindahan Teknologi yang akan:

- (1) menentukan keperluan teknologi;
- (2) membangun satu sistem maklumat mengenai teknologi;
- (3) mewujudkan keupayaan perkhidmatan teknologi dan kemahiran tenaga manusia;
- (4) mengawasi perubahan teknologi;
- (5) mencadangkan penubuhan infrastruktur untuk melicinkan pemindahan teknologi tempatan dan asing seperti pusat-pusat penyelidikan dan pusat-pusat maklumat dan pusat-pusat latihan.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu supaya diperkenalkan teknologi sederhana kepada semua pihak, khususnya orang-orang luar bandar, suka saya tegaskan di sini bahawa salah satu daripada tugas-tugas SIRIM

adalah ditujukan kepada usaha memajukan teknologi perusahaan kecil dan sederhana, khasnya perusahaan bumiputra. Di antara kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada pihak berkenaan termasuklah perkhidmatan perundingan, perkhidmatan reka-bentuk dan fabrikasi ke atas mesin-mesin yang digunakan oleh perusahaan kecil dan sederhana. Juga sejak tahun 1980 SIRIM telah menubuhkan cawangannya di Trengganu, Sarawak dan Sabah. Ini ialah bertujuan untuk meningkatkan lagi aktiviti untuk memberi kemudahan-kemudahan institut ini kepada perindustrian kecil dan sederhana tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian saya juga telah pun melancarkan satu Tabung Penyelidikan dan Kemajuan Sains I'enggara. Tabung ini ditubuhkan pada 11hb Februari, 1982 dengan sumbangan permulaan daripada Kerajaan sebanyak \$1 juta. Tujuan Tabung ini adalah khas untuk menggalakkan kegiatan-kegiatan penyelidikan kemajuan sains dan teknologi melalui anugerah-anugerah, fellowship-fellowship, biasiswa-biasiswa dan bantuan-bantuan wang bagi projek penyelidikan. Dengan adanya tabung ini adalah diharapkan bahawa Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara dapat meningkatkan lagi usaha-usahanya dalam menggalakkan ciptaan-ciptaan baru.

Untuk membangkitkan kesedaran orang ramai terhadap sains dan teknologi dalam negara ini, Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara akan mengadakan pameran-pameran mengenai sains dan teknologi. Pameran sains yang pertama dengan tajuk "Sains dan Teknologi Alat Pembangunan" telah diadakan di Muzium Negara pada 6hb hingga 25hb Mei, 1982 dan didapati

sambutan sambungan kunjungan dari orang ramai adalah sangat menggalakkan. Sekian.

5.42 *ptg.*

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh pada dasar dan kegiatan Kementerian Penerangan dan saya mengalu-alukan teguran yang membina itu supaya dapat membolehkan Kementerian ini memperbaiki dan meningkatkan lagi khidmatnya untuk faedah negara dan rakyat.

Berkenaan saranan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibul supaya mengadakan rancangan TV dalam bahasa Iban dan China, saya suka menyatakan bahawa rancangan-rancangan TV dalam Bahasa China akan dapat ditonton oleh penonton-penonton di Sabah dan Sarawak apabila siaran Saluran Kedua ke Sabah dan Sarawak mula dilaksanakan mulai 31hb Ogos tahun hadapan.

Mengenai penggunaan Bahasa Iban dalam rancangan-rancangan TV perkara ini haruslah dikaji dengan lebih mendalam lagi kerana selain dari Iban terdapat banyak lagi suku bahasa-suku bahasa lain seperti Kadazan, Murut, Bidayah dan lain-lain. Sayugia diingat bahawa rancangan-rancangan TV dalam suku bahasa-suku bahasa ini tidak ada dalam pasaran sekarang. Oleh yang demikian semua rancangan-rancangan dalam suku bahasa ini perlu diterbitkan sendiri oleh RTM yang mempunyai batas-batas tertentu dari segi kemudahan dan kakitangan pada masa ini terutama di Sabah dan Sarawak. Saya tidak yakin tentang dakwaan Yang Berhormat itu bahawa penonton-penonton keturunan Iban dan Cina di Sarawak tidak faham siaran-siaran dalam Bahasa Malaysia. Saya percaya kebanyakan dari mereka faham Bahasa Malaysia, walaupun ada sebilangan kecil yang tidak faham.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan aktiviti dan kegiatan Jabatan Penerangan dalam pilihanraya kecil Kepong baru-baru ini. Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu mungkin tidak faham mengenai peranan dan tugas Jabatan Penerangan oleh kerana ia baru dalam Dewan Rakyat, yang mana sudah beberapa kali telah dijelaskan di dalam Dewan yang mulia ini.

Mengenai aktiviti Jabatan Penerangan begitu aktif semasa pilihanraya kecil Kepong, memanglah benar kerana ini adalah bertujuan untuk menyeru dan menggerakkan rakyat yang layak mengundi supaya mengundi untuk mengamalkan hak-hak mereka sebagai rakyat serta menerangkan kepada pengundi-pengundi tentang cara-cara mengundi, tarikh, masa serta tempat mengundi. Di samping itu Jabatan Penerangan terpaksa bergiat dengan cergas untuk memberi penerangan yang tepat kepada rakyat mengenai dasar-dasar Kerajaan supaya rakyat tidak terkeliru dengan penerangan mengenai dasar-dasar Kerajaan yang disampaikan oleh punca-punca yang tidak rasmi. Biasanya penerangan yang diperolehi oleh rakyat dari punca yang tidak rasmi ini adalah diputarbelitkan oleh golongan-golongan tertentu mengikut kepentingan mereka sendiri.

Pegawai Penerangan dan Unit-unit Jabatan Penerangan sebenarnya adalah menjalankan tugas-tugas yang diarahkan kepada mereka sepertimana yang disebutkan di atas. Bagaimana pun Jabatan ini sentiasa mengawal kegiatan Pegawai dan kegunaan Unit tersebut supaya dapat mencapai tujuan yang disebutkan di atas itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan ulasan dan pandangan yang membina, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih.

5.47 ptg.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan berhubung dengan beberapa perkara di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan memohon izin untuk memberi penjelasan atas perkara-perkara yang berikut.

Berhubung dengan masalah pemegang-pemegang Kad Pengenalan Merah sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Beruas, saya ingin menyatakan bahawa tujuan utama permit kerja dikeluarkan adalah untuk melindungi hak-hak peluang pekerjaan kepada warganegara dan juga untuk mengadakan pengawalan terhadap mereka yang bukan warganegara yang bekerja di negara ini. Oleh yang demikian cadangan Ahli Yang Berhormat itu supaya semua pemegang-pemegang Kad Pengenalan Merah dikecualikan daripada permit kerja tidaklah dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun pada masa ini Kementerian saya adalah bersikap liberal di dalam meluluskan permit-permit kerja untuk pemegang-pemegang Kad Pengenalan Merah itu bekerja di semua sektor. Pengecualian daripada permit kerja hanya akan diberi kepada pemegang-pemegang Kad Pengenalan Merah yang ingin bekerja di sektor perladangan dan pembinaan memandangkan kedua-dua sektor ini adalah sangat penting kepada ekonomi negara, lebih-lebih lagi kekurangan tenaga kerja di kedua-dua sektor tersebut sekarang ini sangatlah ketara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari

Pelabuhan Kelang mengenai kajian semula skim-skim Keselamatan Sosial Pekerja (SOCSO), saya suka mengumumkan di sini bahawa Kementerian saya sedang membuat kajian-kajian teliti dan telahpun mendapatkan perkhidmatan seorang Aktuari untuk mengkaji semula skim-skim tersebut dengan tujuan memastikan kadar pampasan yang dibayar adalah seimbang dengan keadaan semasa. Keputusan akan dibuat setelah semua kajian-kajian itu selesai nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah mencadangkan supaya diadakan undang-undang bagi menentukan gaji minima kepada semua pekerja-pekerja di dalam negara kita ini. Sukalah saya menyatakan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian saya telah berkali-kali mengkaji dan meneliti masalah ini dan setelah dipertimbangkan berbagai-bagai aspek maka adalah didapati pada masa ini belum lagi sesuai dan belum lagi praktikal dilaksanakan atau ditentukan Undang-undang Gaji Minima bagi semua pekerja-pekerja di negara kita ini.

Walaupun bagaimanapun sukacita saya nyatakan bahawa pada masa ini Kerajaan telahpun menetapkan tanggagaji serta syarat-syarat perkhidmatan bagi pekerja-pekerja di beberapa sektor pekerjaan tertentu iaitu melalui beberapa Majlis Penetapan Gaji yang berkuatkuasa sekarang ini seperti Majlis Penetapan Gaji bagi Pekerja-pekerja Kedai, Majlis Penetapan Gaji bagi Pekerja-pekerja Wayang Gambar, Majlis Penetapan Gaji bagi Pekerja-pekerja Hotel dan Restoran, Majlis Penetapan Gaji bagi Pekerja-pekerja Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang. Pekerja-pekerja di dalam sektor-sektor pekerjaan yang tertakluk di bawah Majlis-majlis Penetapan Gaji yang

tersebut itu adalah ditetapkan tangga gaji minima serta syarat-syarat perkhidmatan mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telah menimbulkan penindasan majikan terhadap pekerja-pekerja mereka, sukacita saya menyatakan bahawa semua pekerja-pekerja dalam negara ini adalah dilindungi oleh undang-undang yang berkuatkuasa sekarang ini termasuklah Akta Pekerjaan (Employment Act, 1955) dan lain-lain Akta yang berkuatkuasa dan saya suka menyatakan sekiranya ada pekerja-pekerja merasai diri mereka tertindas dan mendapati bahawa majikan-majikan mereka melanggar undang-undang yang tersebut itu bolehlah membuat aduan mereka ke Pejabat-pejabat Buruh di bawah Kementerian saya di mana-mana saja tempat mereka bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sentiasa memberi perhatian di atas aduan-aduan yang berasas dan Kementerian saya juga sentiasa memberi pertimbangan atas perkara-pekerja yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan terhadap perkara-perkara di bawah Kementerian saya dan di mana-mana perkara yang tidak sempat saya sentuh di dalam jawapan yang ringkas ini saya akan beri perhatian.

5.52 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa teguran, cadangan-cadangan

berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dalam perbincangan usul menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada persoalan-persoalan ini telahpun dijawab dalam soalan-soalan lisan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 19.10.82 dan oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah pada 15-10-82.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyentuh secara umum berkaitan dengan pendatang haram dari Indonesia sebagai buruh di kawasan FELDA dan lain-lain kawasan yang mungkin boleh meluaskan penjenayahan. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya kerja-kerja di dalam kawasan rancangan FELDA adalah khusus dijalankan oleh peneroka-peneroka dan keluarga-keluarga mereka. Walau bagaimanapun, terdapat kerja-kerja yang diberi secara kontrak kepada pemborong-pemborong untuk membangunkan satu-satu rancangan sebelum kedatangan peneroka-peneroka itu sendiri. Pemborong-pemborong yang berjaya akan bertanggungjawab untuk mendapatkan tenaga buruh mereka sendiri. Saya tidak menafikan terdapat buruh-buruh ini terdiri dari pendatang-pendatang dari Indonesia. Tetapi saya juga tidak yakin semua penjenayah yang berlaku adalah datang daripada buruh-buruh ini. Bilangan buruh yang terlibat dalam rancangan-rancangan ini bukanlah besar dan saya percaya buruh-buruh yang ditempatkan di kawasan FELDA sebenarnya senang dikawal dan tidak menjadi masalah keselamatan negara. Buruh-buruh ini cuma digunakan semasa rancangan yang belum

ditempatkan dengan peneroka dalam kawasan hutan yang terpencil yang jauh dari kampung halaman.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor telah membangkitkan perasaan tidak puas hati terhadap amalan yang dijalankan oleh Kerajaan di rancangan-rancangan FELDA di mana bilangan peneroka keturunan Cina terlalu sedikit jika dibandingkan dengan jumlah bumiputra dan keadaan ini telah bercanggah dengan dasar Kerajaan untuk membasmikan kemiskinan yang menyentuh semua masyarakat Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, perkara pengambilan peneroka-peneroka tertakluk kepada dasar dan lain-lain syarat yang dikenakan oleh Kerajaan-kerajaan negeri yang berkenaan. Bagi rancangan-rancangan tanah yang terletak di dalam kawasan simpanan Melayu kemasukan peserta-peserta bukan bumiputra kawasan ini tidak dapat dibuat. Tetapi ingin saya maklumkan juga ada tawaran-tawaran yang telah diberi kepada kaum Cina dalam masa yang lebih awal, seperti contoh dalam tahun 1982, FELDA telah menawarkan 47 tempat kepada kaum Cina di rancangan Linggau di negeri Johor, tetapi cuma 6 orang Cina sahaja yang melapor diri. Begitu juga di Rancangan Felda Keratong 8, di negeri Pahang di mana 20 tempat telah ditawarkan kepada kaum Cina tetapi 2 orang sahaja telah melapor diri dan adakala sebahagian daripada mereka ini setelah melapor diri meninggalkan rancangan ini pula. Oleh yang demikian, walaupun sebilangan besar peserta-peserta FELDA ini terdiri daripada satu kaum sahaja, ini tidaklah bercanggah dengan matlamat menyusun semula Dasar Ekonomi Baru sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat dari Ulu Selangor. Sebenarnya minat pihak bukan bumiputra untuk menyertai rancangan FELDA cuma baru sahaja timbul dan

dukacita dimaklumkan bahawa apabila ianya cuma timbul sesudah bilangan tempat yang ada di dalam rancangan FELDA untuk ditempatkan kepada mereka mula berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pontian, Yang Berhormat dari Tanjung Karang adalah menjadi perhatian kepada Kementerian ini dan dengan itu saya mengucapkan terima kasih.

5.56 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perbincangan mengenai Titah Ucapan Diraja di Dewan yang mulia ini beberapa orang Ahli Yang Berhormat secara am ada menyentuh mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Terlebih dahulu izinkanlah saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian oleh kerana Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar adalah merupakan sebuah Kementerian yang baru dan juga kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini juga orang-orang baru termasuklah Ahli Yang Berhormat dari Kangar, sukalah saya mengemukakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai beberapa program yang terletak di bawah bidang tugas Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Ini adalah bertujuan untuk memudahkan Ahli-ahli Yang Berhormat memahami program-program yang terletak di bawah mana peruntukan-peruntukan ter-

sebut boleh didapati. Program-program yang terletak di bawah bidang tugas Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ialah bekalan elektrik luar bandar, bekalan air luar bandar, rancangan jalan-jalan kampung, rancangan jalan-jalan luar bandar, rancangan pemuliharaan kampung, amalan makanan dan pemakanan dan rancangan-rancangan penetapan semula mangsa-mangsa banjir.

Selain daripada itu Kementerian ini juga mempunyai beberapa agensi-agensi di bawahnya seperti KEMAS iaitu Bahagian Kemajuan Masyarakat, MARA, Jabatan Pembangunan Koperasi, Maktab Kerjasama, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dan Bank Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jasin ada menyentuh mengenai bantuan pemuliharaan rumah di dalam Rancangan Pemuliharaan Kampung. Adalah dimaklumkan bahawa program pemuliharaan rumah di dalam Rancangan Pemuliharaan Kampung adalah bertujuan untuk memperbaiki dan memulihkan bahagian-bahagian rumah tidak selesa diduduki. Ini bererti bantuan tersebut bukanlah mendirikan sebuah rumah yang baru tetapi hanyalah bertujuan untuk meringankan beban pemilik rumah yang tidak berkemampuan untuk memperbaiki rumahnya. Dasar pemuliharaan rumah ini adalah bertujuan untuk menggabungkan sumber-sumber bantuan Kerajaan dan sumbangan-sumbangan pemilik rumah tersebut sendiri sama ada dalam bentuk sumbangan tenaga, sumbangan material atau kewangan. Tujuannya ialah untuk mewujudkan penyertaan aktif pemilik-pemilik rumah yang berkenaan disamping mewujudkan sikap kerjasama di kalangan penduduk-penduduk kampung dan mewujudkan sikap berdikari pemilik-pemilik rumah yang berkenaan. Ini adalah sesuai dengan konsep pembangunan masyarakat

yang bertujuan untuk mewujudkan gerakan secara aktif penyertaan dan penglibatan masyarakat dalam projek dan program-program Kerajaan diperingkat akar umbi. Berdasarkan kepada konsep ini Kerajaan sedang mengkaji program Rancangan Pemuliharaan Kampung amnya dan program Pemuliharaan Rumah khasnya supaya sesuai dengan aspirasi pembangunan masyarakat seperti yang disebutkan di atas.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Matang ada mengesyorkan supaya saham-saham bas ekspres MARA dijual kepada ASN. Berhubung dengan soal ini saya percaya bahawa Ahli Yang Berhormat maksudkan bahawa penjualan saham-saham ini dibuat kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB), bukan kepada Amanah Saham Nasional.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukalah saya menyatakan bahawa memanglah menjadi dasar MARA untuk menyerahkan semua anak-anak syarikat MARA kepada bumiputra apabila sampai masanya. Dalam hal ini Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah mewujudkan satu jawatankuasa khas bagi mengkaji cara-cara dan peraturan-peraturan untuk memindahmilikkan anak-anak Syarikat MARA termasuklah bas Ekspres MARA kepada bumiputra yang berkelayakan. Dalam masa ini PNB juga adalah ditakrifkan sebagai bumiputra dan oleh yang demikian bukanlah menjadi satu perkara yang mustahil sekiranya anak-anak syarikat MARA termasuklah bas ekspres MARA dijual atau dipindahkan kepada Permodalan Nasional Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mengalu-alukan cadangan yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Labis supaya Bank Rakyat diberi lesen untuk menjalankan perniagaan sebagai

sebuah bank perdagangan (commercial bank). Disebabkan oleh perkara-perkara tertentu lesen ini belum boleh diberi oleh Bank Negara. Walau bagaimanapun, untuk menolong Bank Rakyat membangun dengan lebih pesat lagi pihak Bank akan membuat permohonan kepada Bank Negara supaya memberi pertimbangan kepada perkara-perkara berikut:

- (1) membenarkan Bank Rakyat menjalankan aktiviti-aktiviti pertukaran matawang asing (foreign exchange);
- (2) Bank Rakyat untuk menggunakan "clearing facilities" dengan Bank Negara.

Mulai tahun 1979 Bank Rakyat telah mula mencatat keuntungan daripada operasinya. Keuntungan-keuntungan ini ialah seperti berikut:

Tahun akhir 1979 \$3.07 juta, tahun akhir 1980 \$7.82 juta, tahun akhir 1981 \$10.15 juta. Untuk tahun 1982 Bank Rakyat sekarang ini mencatatkan keuntungan lebih kurang sebanyak \$800,000 pada tiap-tiap bulan. Untuk menentukan Bank Rakyat mencapai keuntungan pada taraf yang lebih memuaskan strategi-strategi baru yang telah pun diperkenalkan ialah seperti berikut:

- (1) Memperhebatkan lagi kegiatan-kegiatan pinjaman dengan cara mengadakan iklan-iklan dalam suratkhobar-suratkhobar dan mengadakan ceramah-ceramah.
- (2) Mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan baru seperti pajak dan sewa beli.
- (3) Memperhebatkan kempen-kempen untuk menambahkan bilangan penyimpan-penyimpan di bank.
- (4) Memulakan perkhidmatan Bank Bergerak.

- (5) Menggubal rancangan lima tahun Bank Rakyat dimana garis panduan telahpun ditetapkan untuk menentukan bank ini berupaya untuk membayar dividen kepada pemegang-pemegang saham pada tahun 1987.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab cadangan Ahli Yang Berhormat dari Matang supaya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar khasnya KEMAS memperbanyakkan guru-guru mengajar mengkaji Quran, memanglah menjadi dasar pihak Kementerian untuk menambah bilangan guru-guru agama dari masa ke semasa. Ini bergantunglah kepada peruntukan kewangan dan permintaan daripada masyarakat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan kelas-kelas agama anjuran KEMAS di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sehingga pertengahan tahun ini ialah seperti berikut:

Terdapat 1,515 orang guru agama yang mengelolai 5,407 kelas-kelas agama di mana terdapat 96,299 orang peserta. Buat sekarang ini pihak Kementerian tidak bercadang untuk menyerapkan jawatan guru-guru agama dalam jawatan tetap dan berpencen. Ini adalah kerana struktur dan taraf jawatan serta perkhidmatan penyelia-penyelia dan pemaju-pemaju Masyarakat iaitu guru KEMAS adalah berbeza daripada lain-lain jawatan. Walau bagaimanapun, Kementerian ini telah mengambil tindakan menyerapkan guru-guru agama bagi negeri Kedah, Perak, Selangor dan Pahang sebagai Penyelia-penyelia dan Pemaju-pemaju Masyarakat di bawah KEMAS mulai 1hb Januari, 1982.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ada menyentuh tentang Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR). Untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, sukalah saya menjelaskan disini bahawa penglibatan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ialah melalui KEMAS iaitu satu agensi di bawah Kementerian ini yang berfungsi hanya membantu menyediakan perpustakaan kecil di kawasan-kawasan luar bandar yang mana tidak diliputi oleh badan-badan lain seperti Perpustakaan Negara dan Perbadanan Perpustakaan Awam di negeri-negeri.

Setakat ini pihak KEMAS telah menubuhkan sebanyak 143 buah perpustakaan Kecil di kampung-kampung di seluruh negara. Jumlah pengguna yang mendapat faedah ialah lebih kurang 42,968 orang. Kementerian ini juga bercadang untuk memperluaskan lagi khidmat Perpustakaan Kecil ini dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan saya bagi menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan mengenai Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

6.09 ptg.

Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun berucap dan mengemukakan beberapa pandangan yang bernas dan ikhlas terhadap Kementerian Wilayah Persekutuan. Saya akan cuba menjawab perkara-perkara yang berkaitan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekiranya ada mana-mana teguran yang tidak dijawab, ini bukanlah bermakna perhatian tidak diberi oleh pihak Kerajaan, malah mana-mana teguran yang membina akan diambil kira oleh pihak Kerajaan untuk menentukan dasar-dasar di Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Labis ada menyentuh mengenai rumah-rumah kos murah yang didirikan di Bandar Tun Razak tidak dirancang dengan baik tanpa diambil kira keselamatan dan keselesaan penghuni-penghuninya kerana rumah tersebut bukan sahaja tidak mempunyai pintu belakang tetapi juga berukuran kecil. Sebenarnya soalan yang lebih kurang sama maksudnya telah dikemukakan dalam sidang Dewan yang lepas iaitu pada 5hb November, 1981 dan saya telahpun memberi penjelasan mengenainya dengan panjang lebar. Walau bagaimanapun, saya cuba menjelaskan sekali lagi di sini, rumah-rumah kos rendah di Bandar Tun Razak atau lebih dikenali sebagai rumah berkelompok harga murah, memang dirancang begitu rupa mengikut garis-garis panduan yang diluluskan oleh undang-undang kecil bangunan. Rumah-rumah tersebut telahpun dikeluarkan sijil kelayakan oleh Bahagian Pengawasan Bangunan di Jabatan Akitek, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Walaupun dari segi undang-undang pengeluaran sijil tersebut tidak perlu sijil kelayakan itu dikeluarkan bagi memenuhi syarat yang dikenakan oleh Malaysia Building Society Bhd yang mengeluarkan pinjaman perumahan kepada pembeli-pembeli rumah tersebut.

Ahli Yang Berhormat itu ada juga menegur mengenai rumah-rumah tersebut tidak mempunyai pintu belakang. Sukalah saya jelaskan disini bahawa keadaan ini adalah tidak bertentangan dengan Undang-undang kecil bangunan yang menetapkan bahawa jarak maksima bagi rumah-rumah pangsa yang bertingkat hendaklah sepanjang 35 kaki dari pintu depan ke dinding belakang yang terjauh, ini bermakna ukuran jarak sedemikian bagi rumah-rumah berkelompok Yang Berhormat maksudkan yang hanya setingkat

dan berukuran 30 kaki sahaja. Tidaklah dianggap begitu jauh untuk menghadapi kemungkinan berlakunya kebakaran. Di samping itu juga kawasan rumah berkelompok tersebut ada dibekalkan dengan paip bomba yang mencukupi.

Saya ingin merakamkan terima kasih kepada pandangan Yang Berhormat dari Setapak mengenai pelan struktur Kuala Lumpur. Mudah-mudahan dengan adanya suatu pelan struktur yang komprehensif pihak Kementerian dapatlah melaksanakan apa-apa yang dirancangkan supaya bersepadu untuk menghasilkan output dengan lebih berkesan dan efektif supaya semua golongan penduduk di Wilayah Persekutuan ini dapat menikmati taraf hidup yang lebih baik daripada sekarang. Untuk makluman Dewan yang mulia ini masa pameran bagi pelan struktur tersebut telahpun berakhir pada 7hb. Oktober yang lalu. Di akhir pameran ini Dewan Bandaraya telah menerima 23 bantahan atau pandangan bertulis daripada 14 orang perseorangan, satu persatuan iktisas (professional) 12 dari persatuan-persatuan lain dan satu dari jabatan Kerajaan. Dalam masa yang sama Dewan Bandaraya juga telah menerima 130 permohonan untuk didengar iaitu 91 dari orang-orang perseorangan, 7 dari persatuan iktisas, 6 dari organisasi politik, 37 dari persatuan-persatuan lain dan 2 dari jabatan-jabatan Kerajaan. Jawatankuasa untuk mengkaji, meneliti dan mendengar rayuan-rayuan tersebut telahpun dibentuk yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan dan juga pihak swasta. Pada masa ini jawatankuasa ini telahpun memulakan tugas mereka dan satu jadual tarikh bagi yang berkenaan untuk didengar telahpun disediakan. Tempat pendengaran ini ialah di Ibu Pejabat Dewan Bandaraya di tiga tempat atau bilik mesyuarat khas. Adalah dijangka pendengaran itu akan berjalan serentak di ketiga-tiga

tempat tersebut di sepanjang hari bertugas sehinggalah semua pihak yang berkenaan habis didengar.

Saya mengucapkan terima kasih di atas sambutan yang telah diberikan oleh orang ramai di dalam usaha untuk mendapatkan buah fikiran mereka berhubung dengan pelan tersebut.

Di samping itu Yang Berhormat dari Setapak juga telah menyarankan beberapa cadangan yang menarik. Beliau telah mencadangkan supaya diwujudkan satu perbadanan tertentu seperti Perbadanan Ekonomi Negeri-negeri yang mempunyai kepakaran dari segi teknik, kewangan dan sebagainya bertujuan untuk memajukan kawasan-kawasan Melayu dan rizab Melayu tanpa pertukaran hakmilik tanah-tanah tersebut. Sebenarnya satu memorandum mengenai penubuhan perbadanan seumpama itu telah dibawa ke Kabinet oleh Kementerian Wilayah Persekutuan. Walau bagaimanapun, keputusan telah dibuat bahawa buat sementara waktu ini Kerajaan berpendapat tidak perlu ditubuhkan satu perbadanan yang lain. Sebaliknya tugas untuk memajukan kawasan-kawasan Melayu hendaklah diteruskan oleh agensi-agensi Kerajaan yang sedia ada dewasa ini, misalnya UDA dan MARA.

Mengenai pembangunan projek-projek baharu di kawasan Melayu dan rizab di mana Yang Berhormat menggesa supaya langkah-langkah mengambil balik tanah-tanah tersebut perlu disegerakan adalah bergantung kepada keupayaan kewangan Kerajaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan mengambil perhatian mengenai perkara ini dan segala usaha akan dibuat untuk menjayakan rancangan-rancangan pembasmian kemiskinan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk melaksanakan projek-projek baharu

terutamanya projek-projek besar secara turnkey supaya dapat mempercepatkan pelaksanaan dan mengatasi masalah kekurangan tenaga mahir, misalnya projek Aerobus adalah dicadangkan untuk dilaksanakan mengikut konsep "turnkey contract."

Ahli Yang Berhormat dari Setapak juga telah menyentuh mengenai pembangunan projek-projek di Kuala Lumpur ini khasnya bangunan-bangunan hendaklah mempunyai rekabentuk yang ada nilai dan identiti negara termasuk juga bangunan-bangunan yang didirikan oleh pihak swasta. Ingin saya menegaskan di sini bahawa pada masa ini tidak ada dasar atau garis panduan tertentu untuk mengawal pembinaan bangunan-bangunan yang mempunyai rekabentuk tersebut. Walau bagaimanapun, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai kuasa di bawah Akta 133 iaitu Akta Jalan. Bangunan dan Perparitan untuk menolak cadangan-cadangan ataupun permohonan-permohonan daripada swasta atau orang perseorangan untuk membina bangunan atau rumah-rumah yang tidak sesuai dengan keadaan sekelilingnya. Dalam hubungan ini Kerajaan berhasrat untuk menentukan ibu negara Kuala Lumpur bukan sahaja akan menjadi pusat perniagaan dan pentadbiran yang terkenal di rantau ini tetapi juga bandaraya ini haruslah mencerminkan identiti dan kebudayaan masyarakat Malaysia.

Mengenai teguran Yang Berhormat supaya pembinaan bandar-bandar baharu di Ladang Hawthorndon, Bukit Jalil dan Bulit Kiara menempatkan juga setinggan-setinggan di Wilayah Persekutuan memang telah disediakan dalam perancangan bandar-bandar tersebut untuk menyediakan sebahagian daripada kemudahan-kemudahannya termasuk rumah kos rendah bagi golongan yang berpendapatan rendah.

Menyentuh mengenai banjir di Kuala Lumpur ini, sebenarnya usaha-usaha untuk mengatasi masalah ini adalah dipertanggungjawabkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Jabatan Parit dan Talian Wilayah Persekutuan. Dewasa ini kedua-dua jabatan tersebut sedang giat mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengatasi masalah tersebut termasuklah langkah-langkah jangka pendek dan langkah-langkah jangka panjang. Di antara langkah jangka pendek adalah membersihkan, membesar dan mendalam longkang-longkang tepi jalan dan longkang-longkang tanah untuk menambah muatan air di samping membesarkan dan memasang pembedong di tempat-tempat yang tertentu. Manakala langkah-langkah jangka panjang yang diambil oleh kedua-dua Jabatan tersebut ialah membina projek-projek perparitan yang lebih sempurna dan mendalamkan sungai-sungai yang menjadi punca utama berlakunya banjir.

Ingin saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa terdapat 17 projek perparitan yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Jabatan Pembedungan dan Perparitan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai langkah untuk mengatasi banjir dan dianggar menelan belanja kira-kira \$38.82 juta. Di bawah peruntukan khas Jabatan Parit dan Talian sedang giat menjalani kerja-kerja mendalamkan sungai-sungai iaitu Sungai Kelang, Sungai Batu dan Sungai Gombak dengan anggaran perbelanjaan sebanyak \$4 juta. Sementara langkah-langkah bagi mendalamkan dan meluaskan parit-parit besar di Sungai Kerayong dan Sungai Keroh dijangka menelan belanja sebanyak \$773,000. Di samping itu juga, di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Keempat kerja-kerja yang sedang dijalankan untuk mencegah banjir termasuklah di Sungai Keroh, Kepong

Baru dan Batu 7³/₄, Jalan Sungai Besi yang dijangka akan menelan belanja kira-kira \$5.5 juta di bawah peruntukan Kementerian Wilayah Persekutuan. Projek canalisation Sungai Gombak dan Sungai Kelang iaitu dari Masjid Jamek hingga Jambatan Sulaiman dengan menelan belanja kira-kira \$32 juta juga akan dilaksanakan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, inginlah saya sekali lagi mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah memberi pandangan yang baik dan jujur dan teguran yang membina terhadap Kementerian saya. Terima kasih.

6.23 ptg.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memulakan ucapan ini dengan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya kepada semua Ahli yang telah menimbulkan dan membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Pelajaran semasa membahaskan Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menerangkan bahawa dasar pelajaran kebangsaan yang dilaksanakan di negara kita ini adalah bermatlamatkan penghasilan identiti nasional dan perpaduan rakyat. Bagi mencapai matlamat ini, satu sistem pelajaran kebangsaan yang berasaskan sukatan pelajaran yang sama isi kandungannya telah dibentuk dan dilaksanakan sejak suku abad yang lalu. Sebarang perubahan yang dilakukan tidak sekali-kali akan menjejaskan dasar dan matlamat yang tersebut. Apa-apa juga cadangan yang dikemukakan akan ditimbangan

implikasinya terhadap dasar dan matlamat yang saya sebutkan tadi, selepas itu barulah pihak Kementerian Pelajaran menimbangkan implikasi perlaksanaannya sama ada praktikal atau tidaknya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab kebimbangan Ahli Yang Berhormat dari bandar Sibu bahawa pelaksanaan KBSR (Kurikulum Baru Sekolah Rendah) akan mengubah ciri-ciri (characteristics) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan dalam jangka panjang akan menghapuskan sekolah-sekolah tersebut. Memadailah saya menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah memberikan jaminan beberapa kali di Dewan yang mulia ini khususnya pada 9hb Mac, 1982 yang lalu bahawa SRJK (Cina) yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa penghantar akan terus wujud. Ini juga telah diperakukan oleh Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Kerajaan tidak berminat sama sekali untuk memansuhkan SRJK (Cina) atau menghapuskan ciri-cirinya. Saya kurang faham mengapa Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibu khasnya dan Ahli-ahli yang Berhormat dari parti Pembangkang amnya seringkali menimbulkan semula isu kebimbangan mereka kononnya KBSR akan mengubah ciri-ciri SRJK (Cina) bahkan terhapusnya sekolah tersebut. Perkara ini dikaitkan pula dengan peruntukan 21 (2) Akta Pelajaran, 1961 yang memberi kuasa membolehkan Menteri Pelajaran untuk menukarkan SRJK menjadi sekolah kebangsaan iaitu suatu enabling clause. Saya tidak pasti sama ada Ahli Yang Berhormat berkenaan faham penerangan-penerangan yang diberi jika penjelasan dan jaminan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini tidak memuaskan Ahli Yang Berhormat dan rakan-rakannya,

saya tidak tahu penjelasan dari mana dan dari siapa yang boleh diharapkan. Memang ada orang dalam dunia ini yang tidak pernah mahu menerima kenyataan (reality). Mereka ini termasuklah dalam golongan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibü juga telah mengesyaki bahawa Kerajaan berhasrat untuk menghapuskan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dengan berseleluang disebalik KBSR. Ini adalah satu tuduhan yang liar, satu imaginasi, suatu mimpi dan suatu bayangan Yang Berhormat itu sendiri. Ini adalah satu petanda bahawa beliau takut dengan bayang-bayangnya sendiri. KBSR tidak dirancang di dalam gelap atau secara rahsia. Dalam proses penggubalannya, Kementerian saya telah menjemput berbagai pihak dan kalangan sama ada profesional atau pun bukan profesional untuk memberikan buah fikiran dan pandangan-pandangan mereka dalam berbagai seminar dan bengkel bagi menghasilkan sebuah kurikulum yang praktikal. Mungkin kerana Ahli Yang Berhormat itu tidak ada sama lalu beliau menyatakan KBSR ini dirancang secara rahsia.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibü juga membangkitkan soal penambahan masa pengajaran bahasa Inggeris di SRJK (Cina) manakala Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pula mencadangkan supaya pengajaran bahasa Inggeris di SRJK dimulakan lebih awal lagi. Disebabkan masa persekolahan adalah terhad dan penekanan adalah diberi kepada penanaman kemahiran asas dalam bahasa pengantar, maka penambahan masa untuk pengajaran bahasa Inggeris tidaklah dapat diberikan lebih-lebih lagi pengajaran bahasa Inggeris bagi murid-murid sekolah rendah hanya menekankan aspek lisan. Cadangan untuk memulakan pengajaran bahasa Inggeris lebih awal juga tidak dapat

diterima sebab ini bertentangan dengan kehendak Laporan Jawatan Kuasa Kabinet yang memperakukan supaya peringkat mula bahasa Inggeris ini diajar di sekolah-sekolah rendah adalah seperti yang berjalan sekarang iaitu bagi SRJK mulai darjah III.

Dalam kurikulum yang ada sekarangpun, peruntukan bagi matapelajaran bahasa Inggeris di SRJK berkurangan daripada sekolah Kebangsaan. Akan tetapi kekurangan ini akan ditampung di dalam kelas peralihan selama satu tahun sebelum murid-murid ini mula mengikuti pelajaran mereka di peringkat menengah. Di samping itu, murid-murid dari SRJK dapat mempelajari tiga bahasa sedangkan murid-murid sekolah kebangsaan hanya dapat belajar dua bahasa sahaja. Jadi, untung satu, Tuan Yang di-Pertua.

Cadangan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibü supaya Kerajaan menangguhkan pelaksanaan KBSR di Serawak kerana bimbang akan kemerosotan taraf pencapaian murid adalah satu cadangan yang negatif dan tidak bertanggungjawab. Adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya tidak wujud sebarang perbezaan peluang-peluang pelajaran yang terdapat di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Segala masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu telahpun disedari oleh Kementerian Pelajaran yang seterusnya sedang mengambil langkah-langkah bagi mengatasinya dengan berbagai-bagai cara. Penangguhan pelaksanaan bukanlah satu cara mengatasi masalah. Kalaulah cadangan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibü itu diterima, maka lebih merosotlah lagi mutu pelajaran di Sarawak kerana berasaskan hasil daripada kajian awal yang telah dilakukan dari pencapaian-pencapaian di kalangan murid-murid yang mengikut KBSR, maka didapati bahawa prestasi mereka adalah jauh

lebih tinggi daripada prestasi murid-murid yang tidak mengikuti kurikulum baru ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.